



GARIS PANDUAN PEROLEHAN DAN PENTADBIRAN KONTRAK PENGURUSAN FASILITI DAN PENYENGGARAAN

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Jawatankuasa Penggubal yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam menyiapkan garis panduan ini:

CAWANGAN PERANCANGAN ASET BERSEPADU

1. Pengarah Kanan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)
2. Pengarah Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA), CPAB
3. Ir. Hj. Mohd Sabri Bin Mat Deris
4. Tn. Hj. Mohd Ilhami Bin Idrus
5. Tn. Hj. Sulieman Bin Md. Yusof
6. Pn. Madiyah Binti Embong
7. Pn. Mas Idayu Binti Churaimi
8. Pn. Nor Ashikin Binti Teh
9. Pn. Noor Azizah Binti Majid
10. Sr. Sabri Bin Omar
11. Pn. Norizan Binti Mahmud
12. Cik Christina Edmund Rambayan
13. Pn. Nurhayati Binti Abd. Hamid
14. Sr. Syed Mahadhir Bin Wan Ibrahim
15. Pn. Marzura Binti Marzuki
16. Pn. Shuhda Silmi Binti Mohd Zuhali
17. Cik Athirah Binti Hamid
18. En. Muhammad Shahrizan Hanif Bin Saad
19. En. Lee Seng Soon
20. Cik Ismaliza Binti Ismail

CAWANGAN SENGGARA FASILITI JALAN

21. Ir. Shamsuddin Bin Sabri
22. En. Ahmad Shabudin Bin Matt

23. En. Satri Bin Ab. Samad

24. En. Mohd Naim Bin Ibrahim

CAWANGAN SENGGARA FASILITI BANGUNAN

25. Ir. Hj Abu Harith Bin Hj. Shamsuddin

26. Pn. Jamaliah Binti Mohd. Rashid

27. Pn. Haliza Binti Ishak

28. En. Noor Azizi Bin Arifin

29. En. Azrul Nizam Bin Adanan

30. Sr. Maszamri Bin Abdul Gapar

CAWANGAN KONTRAK & UKUR BAHAN

31. Sr. Maselawati Binti Shamsuddin

32. Sr. Dr. Rozina Binti Mohd Zafian

33. Pn. Mazlia Binti Muhammad

CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

34. En. Abang Abd. Rahman Bin Yusof

35. En. Zaharan@Abdullah Bin Awang

36. En. Shahrulnizam Bin Salihin

CAWANGAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL

37. Ir. Mohd. Naimie Bin Mazid

38. En. Muhammad Nazri Bin Omar

CAWANGAN ARKITEK

1. En. Shamsul Nazair Bin Mohd. Yunus

2. En. Zamhuri Bin Ramli

CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM, STRUKTUR DAN JAMBATAN

3. Pn. Hafizah Binti Zakaria

JKR W.P PUTRAJAYA

4. En. Hasnan Bin Ab. Hamid
5. Sr. Hj. Asnan Bin Jonit
6. Ir. Mohd. Fadhlil Bin Arshad
7. Sr. Jamisah Binti Ibrahim
8. Pn. Fadzilah Binti Sulaiman
9. En. Norazmi Bin Bakar

JKR W.P KUALA LUMPUR

10. Pn. Wan Maziah Binti Wan Noh
11. Pn. Norashikin Binti Akhlar@Khairuddin
12. En. Ismail Bin Ishak

JKR PAHANG

13. En. Mazele Bin Hussin
14. En. Mohd Afif Bin Abdul Razak
15. En. Mohd Khalil Bin Muhamed Ghazali

JKR SELANGOR

16. Pn. Nurul Diyana Binti Mohd Dahari

SENARAI KANDUNGAN

| | | |
|----|---|----|
| 1 | PENGENALAN | 1 |
| 2 | PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN KONTRAK PENGURUSAN FASILITI DAN PENYENGGARAAN | 5 |
| 3 | PERANCANGAN DAN KAWALAN KOS..... | 14 |
| 4 | PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER..... | 18 |
| 5 | PELAWAAN DAN PENERIMAAN TENDER..... | 26 |
| 6 | PENILAIAN DAN SETUJU TERIMA TENDER..... | 39 |
| 7 | DOKUMEN KONTRAK..... | 49 |
| 8 | PENYELIAAN, PEMANTAUAN, PENGESAHAN KERJA DAN PENGURUSAN PRESTASI | 55 |
| 9 | SUB-KONTRAKTOR DAN PENYERAHAN HAK | 63 |
| 10 | PENGURUSAN PERALIHAN..... | 66 |
| 11 | PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR..... | 71 |
| 12 | TERMA BAYARAN..... | 89 |

| | | |
|----|---|----|
| 13 | RESOLUTION OF DISPUTE (PENYELESAIAN PERTIKAIAN) DAN TIMBANGTARA..... | 93 |
| 14 | PERUBAHAN KERJA DAN AKAUN MUKTAMAD..... | 95 |

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 – Surat Kementerian Kewangan – S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK.11 (33)

Lampiran 1A – Senarai Skop Kerja

Lampiran 2 – Surat Kementerian Kewangan – S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK.11 (37)

Lampiran 3 – Struktur Tadbir Urus Pelaksanaan FMMC

Lampiran 4 – Kerangka Perancangan dan pelaksanaan FMMC

Lampiran 5 - Cabutan Butir-butir Permulaan (Preliminary Detail Abstract-PDA)

Lampiran 6 – Cabutan Butir-butir Tender (As Tendered Detailed Abstract – ATDA)

Lampiran 7 – Cabutan Butir – Butir Seperti Yang Disiapkan (As Completed Detailed
Abstract - ACDA)

Lampiran 8 – Borang Tender

Lampiran 9 – Surat Setuju Terima Tender

Lampiran 10 – Bon Pelaksanaan

Lampiran 11 – Iklan Tender

Lampiran 12 – Surat Niat

Lampiran 13 – Surat Pemberitahuan Penerimaan Tender

Lampiran 14 – Surat Permohonan Untuk Mendapatkan Nombor Kontrak

Lampiran 15 – Contoh Format Muka Depan Dokumen Kontrak

Lampiran 16 – Contoh Jawatan Pegawai-Pegawai Yang Diberi Kuasa Untuk
Menandatangani Kontrak

Lampiran 17 – Penentuan PPF Yang Akan Dilantik Mengikut Jawatan Dan Nilai Kontrak

Lampiran 18 – Pegawai Yang Diberi Kuasa Untuk Bertindak Bagi Pihak Kerajaan

Lampiran 19 – Pegawai Yang Berkuasa Menandatangani Perakuan-Perakuan

Lampiran 20 – Surat Piawai Bagi Perwakilan Kuasa

Lampiran 21 – Surat Pemberitahuan Kepada Kontraktor

Lampiran 22 – Jadual KPI

Lampiran 23 – Contoh Minit Mesyuarat

Lampiran 24 – Perakuan Bayaran Bulanan

Lampiran 25 – JKR-APK (Pind. 3/2008)

Lampiran 26 – Pihak Berkuasa/ Jawatankuasa Perubahan Kerja

Lampiran 27 – JKR- KPK (Pind. 1/2008)

Lampiran 28 – JKR-PHK (Pind. 2/2008)

Lampiran 29 – Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad

Lampiran 30 – Perakuan Tamat Kontrak

Lampiran I – Standard Form of Contract For Facilities Management & Maintenance
(PWD Facilities Management & Maintenance Form 2016)

SENARAI SINGKATAN

| | |
|------|---|
| APD | <i>Ascertained Performance Deduction</i> |
| APK | Arahan Perubahan Kerja |
| CMMS | <i>Computerised Maintenance Management System</i> |
| COC | <i>Conditions of Contract</i> |
| DRC | <i>Dispute Resolution Committee</i> |

| | |
|---------|---|
| FCA | <i>Facilities Condition Assessment</i> |
| FFV | <i>Facilities Familiarization and Verification</i> |
| FM | <i>Facilities Management</i> |
| FMM | <i>Facilities Management And Maintenance</i> |
| FMMC | <i>Facilities Management And Maintenance Contract</i> |
| FMP | <i>Facilities Management Plan</i> |
| FOSS | <i>Facility Operation Supervisory Staff</i> |
| FSO | <i>Facility Superintending Officer</i> |
| FSOR | <i>Facility Superintending Officer Representative</i> |
| HOFT | <i>Head of Facility Team</i> |
| JKR | Jabatan Kerja Raya |
| JPK | Jawatankuasa Pra Kelayakan |
| KKR | Kementerian Kerja Raya |
| KPI | <i>Key Performance Indicator</i> |
| KPK | Kelulusan Perubahan Kerja |
| KPKR | Ketua Pengarah Kerja Raya |
| MIS | <i>Management Information System</i> |
| MOF | Kementerian Kewangan |
| MPAM | Manual Pengurusan Aset Menyeluruh |
| MTF | Mesyuarat Tapak Fasiliti |
| mySPATA | Sistem Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan |
| NCR | <i>Non-Conformance Reports</i> |
| PAM | Pengurusan Aset Menyeluruh |
| PHK | Pelarasan Harga Kontrak |
| PK.2 | Pekeliling Perbendaharaan Malaysia |
| PMT | Pejabat Memanggil Tender |
| POE | <i>Post Occupancy Evaluation</i> |
| PPF | Pegawai Penguasa Fasiliti |
| PPM | <i>Planned Preventive Maintenance</i> |

| | |
|-------|--|
| PPOF | Pegawai Penyeliaan Operasi Fasiliti |
| PWD | <i>Public Works Department</i> |
| PYD | Pegawai Yang Dinamakan |
| SCM | <i>Scheduled Corrective Maintenance</i> |
| SLA | <i>Service Level Agreement</i> |
| SPB | Sistem Pengurusan Bersepadu |
| TPATA | Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan |
| UPF | Unit Pengurusan Fasiliti |
| WPS | Wang Peruntukan Sementara |

GLOSARI

Aduan

Aduan bertulis atau secara lisan atau laporan yang dibuat melalui telefon/faksimili/media elektronik (atau lain-lain cara yang dipersetujui oleh PPF) oleh pelanggan/pengguna/PPF berkenaan tahap prestasi tidak dicapai oleh kontraktor FMM mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan.

Aduan yang tidak ditutup pada bulan semasa akan dinilai pada bulan seterusnya berdasarkan KPI berkaitan.

Permohonan proaktif adalah sebarang permohonan atau aduan yang dibuat oleh pekerja kontraktor FMM (*Self Finding*). Ia perlu direkodkan sebagai Permohonan Perkhidmatan kecuali Penyenggaraan Pembaikan Berjadual (SCM) dan perlu diperakukan serta dipersetujui oleh PPF.

| | |
|---|---|
| Aduan Am | Permohonan perkhidmatan atau aduan yang dianggap am sekiranya keadaan tidak mengakibatkan kemudaratan kepada nyawa dan gangguan ketara kepada operasi tapak. |
| Aduan Berulang | Sebarang permohonan/aduan bagi perkara yang sama (aset/lokasi) dengan kecacatan/kerosakan selepas aduan yang berjaya ditutup tetapi masih berlaku semula dalam tempoh yang dibenarkan oleh PPF selepas aduan ditutup. |
| <i>Ascertained Performance Deduction</i> (“APD”) | Jumlah nilai pemotongan yang telah diperakukan dalam Ringgit Malaysia (RM) berdasarkan kepada KPI Prestasi, Ketersediaan Perkhidmatan dan Ketersediaan Aset. |
| <i>Facility Custodial Services</i> | Merujuk kepada perkhidmatan <i>Housekeeping & Cleaning Services</i> dan <i>Pest Control Services</i> |
| Harta Intelekt Kerajaan (<i>Government’s Intellectual Property</i>) | Segala data dan maklumat, reka bentuk, pelan, lukisan, rekod, Sistem Pengurusan Maklumat dan dokumen lain yang berkaitan yang diberikan kepada kontraktor seperti yang dinyatakan dalam kontrak |
| Kecemasan | Situasi di luar jangka di mana wujud permohonan atau aduan yang boleh menyebabkan ancaman kepada keselamatan nyawa atau harta benda. |
| Kerja | Merujuk kepada Pengurusan Fasiliti, Operasi dan Penyelenggaraan (FMM) |
| Maklumbalas serta merta | Memberi maklumbalas atau melayan aduan dalam tempoh masa segera yang munasabah dan praktikal. Tempoh maklumbalas serta merta yang dicadangkan adalah kurang daripada 5 minit. PPF hendaklah menentukan kewajaran tempoh maklumbalas serta merta berdasarkan keadaan dan situasi di tapak. |

| | |
|--|--|
| Pelanggan | Semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan/ Badan Berkanun yang menerima perkhidmatan yang diberikan oleh JKR/Agensi Teknikal/Unit Teknikal yang berkenaan (Rujuk TPATA). |
| Pemilik Aset | Agensi yang mempunyai hak milikan atau kawalan ke atas sesuatu aset. |
| Pengendali Aset | Pihak yang diberi tanggungjawab mengendalikan operasi dan penyenggaraan sesuatu aset. |
| Pengurus Aset | Pihak yang diberi tanggungjawab sebagai wakil pemilik aset untuk menjaga, mengurus dan mentadbir sesuatu aset. |
| Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan <i>Facilities Management and Maintenance Services</i> (FMM Services) | Pengurusan, pentadbiran, pengawasan, operasi dan penyenggaraan tapak yang akan dilaksanakan oleh kontraktor mengikut kontrak seperti yang dinyatakan di dalam Spesifikasi Teknikal Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan (<i>Appendix 7A</i>) |
| Penyenggaraan Pembaikan Berjadual (<i>Scheduled Corrective Maintenance</i>) | Penyenggaraan Pembaikan Berjadual adalah sebarang kerja yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh pelaksanaan seperti yang ditetapkan dalam KPI dan memerlukan persetujuan PPF. |
| Perkhidmatan Bangunan | Proses penyediaan bangunan, sistem, rekabentuk, operasi dan penyenggaraan bangunan. (rujuk Perkhidmatan Perbendaharaan) |
| Permohonan Perkhidmatan/ <i>Service Request</i> | Permohonan yang dibuat oleh pelanggan/pengguna/PPF yang melibatkan semua jenis Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti merangkumi khidmat nasihat dan bantuan teknikal yang tidak melibatkan kos tambahan (contoh pengalihan perabot bilik pejabat dan sebagainya). |

| | |
|---|--|
| Responden | Penghuni/pengguna yang memberikan maklumat (menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dan sebagainya) dalam POE. |
| Segera (<i>Urgent</i>) | Situasi/kerosakan yang boleh menyebabkan gangguan dan masalah kepada operasi tapak sekiranya tindakan segera tidak diambil, atau mungkin boleh mengakibatkan keadaan kecemasan jika tiada tindakan dan pembaikan dibuat. |
| Sistem Pengurusan Maklumat (<i>Management Information System</i>) | Sistem yang dibangunkan oleh kontraktor untuk menyimpan dan memproses maklumat dalam aspek pengurusan, operasi dan aktiviti penyenggaraan seperti yang dinyatakan dalam Spesifikasi Teknikal Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan (<i>Appendix 7A</i>). |
| Sistem Pengurusan Maklumat Sedia Ada (<i>Existing Management Information System</i>) | Sistem Pengurusan Maklumat untuk menyimpan dan memproses maklumat berkenaan dengan aktiviti pengurusan, operasi dan penyenggaraan yang sudah tersedia pada Tarikh Mula Kontrak. |
| Tarikh Milik Tapak | Tarikh bermulanya Kerja Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan |
| Tarikh Mula | Tarikh bermulanya Kontrak Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan |
| Tempoh Respons | Jangkamasa yang ditetapkan untuk menyiasat dan mengesah aduan yang bermula daripada masa dan tarikh aduan diterima oleh pihak kontraktor |
| Tempoh Pelaksanaan Aduan dan tindakan pembaikan | Jangkamasa yang tetap untuk menyiasat, mengesah aduan dan tindakan pembaikan yang bermula dari masa dan tarikh work order dikeluarkan sehingga pengesahan siap kerja oleh pihak yang diberi tanggungjawab |

BAB 1 - PENGENALAN

1.1 Pengenalan *Facilities Management* (FM)

FM adalah satu pendekatan pengurusan yang berteraskan 3 elemen iaitu manusia, tempat dan proses.

Terdapat beberapa definisi FM yang menyentuh kepada 3 elemen ini iaitu:

- a) Persepaduan aktiviti pelbagai disiplin dalam membentuk persekitaran dan pengurusan yang memberi kesan kepada manusia dan tempat kerja (*British Institute of Facilities Management, UK*)
- b) Satu amalan menyelaraskan persekitaran fizikal tempat kerja dengan pekerja dan pekerjaan di dalam sesuatu organisasi (*United State Library For Congress*)

1.2 Tujuan

1.2.1 Garis Panduan ini merupakan dokumen rujukan sebagai panduan bagi melaksanakan perolehan dan pentadbiran Kontrak Pengurusan Fasilitas dan Penyenggaraan/*Facilities Management and Maintenance Contract* (FMMC) oleh JKR berdasarkan Borang Syarat–Syarat Kontrak PWD *Facilities Management & Maintenance Form* (2016) yang telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 19 Oktober 2016 dan Surat Arahan KPKR Bil. 23/2016 bertarikh 16 Disember 2016.

Dokumen ini juga dibangunkan sejajar dengan keperluan Pekeliling Am Bil.1 Tahun 2009: Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) dan Pekeliling Am Bil.2 Tahun 2012: Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA).

1.3 Skop Dokumen

1.3.1 Skop dokumen ini mengandungi prosedur FMMC berdasarkan Syarat–Syarat Kontrak PWD Facilities Management & Maintenance Form (2016) dan Surat Kementerian Kewangan – S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK.11 (33) bertarikh 9 Disember 2016 serta Surat Kementerian Kewangan– S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK.11 (37) bertarikh 6 Februari 2017 (**Lampiran 1**).

1.3.2 Surat Kementerian Kewangan – S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK.11 (33) bertarikh 9 Disember 2016 menjelaskan perkara berikut:

- a) Perolehan FMM adalah dikategorikan sebagai perolehan Kerja;
- b) Perolehan bekalan/perkhidmatan dalam skop FMM iaitu *Housekeeping & Cleaning* dan *Pest Control (Facility Custodial Services)* hendaklah dibuat secara Wang Peruntukan Sementara (WPS);
- c) Senarai Skop dan Sub Skop *Facilities Management And Maintenance Contract* (FMMC) yang diluluskan adalah terhad kepada senarai yang dinyatakan di **Lampiran 1A**.

1.3.3 Surat Kementerian Kewangan– S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK.11 (37) bertarikh 6 Februari 2017 (**Lampiran 2**) menjelaskan perkara berikut:

- a) Tidak membenarkan perolehan peralatan melalui kontrak kerja FMMC.
- b) Pemilihan Bon Pelaksanaan melalui kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) adalah dibenarkan apabila kontraktor gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam masa yang ditetapkan oleh Kerajaan.

1.3.4 Di mana perlu, Garis Panduan ini hendaklah dibaca dan dirujuk secara bersama dengan dokumen terkini yang berkuat kuasa sebagaimana berikut:

- a) Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) JKR
- b) Dasar Pengurusan Aset Kerajaan;
- c) Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2009: Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan;
- d) Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2012: Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan;
- e) ISO 55000 Asset Management;
- f) Arahan Perbendaharaan (AP);
- g) 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP);
- h) Surat Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya (SAKPKR); dan
- i) Surat Arahan Cawangan Kontrak Dan Ukur Bahan (CKUB)

1.4 Objektif

1.4.1 Objektif garis panduan ini adalah untuk:

- a) Mewujudkan keseragaman dalam amalan perolehan dan pentadbiran FMCC;
- b) Memastikan pelaksanaan FMCC dilaksanakan dengan betul, cekap dan berkesan.
- c) Meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam tadbir urus kontrak Kerajaan.

1.5 Struktur Tadbir Urus Pelaksanaan FMCC

Peranan dan tanggungjawab pelaksanaan FMCC adalah seperti di **Lampiran 3**.

BAB 2 – PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN KONTRAK **PENGURUSAN FASILITI DAN PENYENGGARAAN**

2.1 Fasa utama Pengurusan Fasiliti Dan Penyenggaraan

Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan terbahagi kepada dua fasa utama iaitu:

a) Pra Kontrak

Head of Facility Team (HOFT) hendaklah melaksanakan pengurusan perolehan kerja utama dan peruntukan WPS sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan sebelum FMMC bermula supaya pelaksanaan FMMC mengikut perancangan yang ditetapkan. HOFT hendaklah merangka pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) satu (1) bulan sebelum FMMC bermula mengikut perancangan yang ditetapkan.

b) Pasca Kontrak

Aktiviti kepada Pasca Kontrak adalah bermula dari Tarikh Mula Kontrak sehingga Tarikh Tamat Kontrak seperti yang dinyatakan di dalam SST. Pegawai Penguasa Fasiliti (PPF)/*Facilities Superintending Officer* (FSO) bertanggungjawab memastikan pentadbiran, penyeliaan, pemantauan, pengesanan kerja dan pengurusan prestasi mengikut prosedur dan syarat-syarat kontrak yang ditetapkan.

Kerangka Perancangan dan pelaksanaan FMMC adalah sebagaimana

Lampiran 4. Berikut adalah huraian kepada aktiviti yang terlibat bagi kedua-dua fasa di atas.

2.2 Perancangan dan Penyediaan skop Kontrak

a) Maklumat Tapak dan Inventori Aset

Pejabat Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) atau Pejabat Yang Memanggil Tender (PMT) hendaklah memastikan maklumat tapak dan inventori aset lengkap sebelum aktiviti perolehan bermula.

Data dan maklumat ini boleh diperolehi secara manual dan juga boleh diperolehi melalui sistem mySPATA dimana JKR bertanggungjawab memastikan aktiviti yang melibatkan penggunaan sesuatu Kod Aset Tak Alih dalam pengurusan aset Kerajaan seperti:

i. Penghasilan Lukisan Reka Bentuk, ii. Penyediaan Lukisan Siap Bina/Lukisan Terukur, iii. Penyediaan Dokumen Tender/Kontrak,

iv. Penggunaan Kod bagi aplikasi sistem pengurusan *Computerised Maintenance Management System (CMMS)* dan

v. Pendaftaran Aset Tak Alih di dalam aplikasi mySPATA.

Pejabat UPF atau Pejabat PMT hendaklah mendapatkan Pelan Operasi dan Penyenggaraan Aset (POPA)/*Facilities Management Plan (FMP)* (jika ada) daripada Jabatan Pelanggan untuk tindakan penyediaan *Service Level Agreement (SLA)*.

b) *Facilities Condition Assessment (FCA)*

FCA hendaklah dilaksanakan sebaik sahaja HOPT menyerahkan premis kepada HOFT bagi tujuan Pengurusan Perolehan.

Penyediaan FCA hendaklah mengikut Garis Panduan Pemeriksaan Dan Penilaian Bangunan (BCA) rujukan JKR21602-0004-13 atau mana-mana rujukan rasmi Jabatan.

c) *Service Level Agreement (SLA)*

SLA yang baik adalah realistik, boleh diukur dan mempunyai objektif yang jelas dengan mengambilkira perkara-perkara berikut:

i. Sentiasa konsisten dengan fungsi aset tersebut.

- ii. Mematuhi keperluan perundangan seperti Akta Kesihatan Pekerjaan dan Keselamatan, Akta Bomba dan Penyelamat, Akta Alam Sekitar dan sebagainya;
- iii. Realistik mengikut usia, keadaan dan jangka hayat aset tersebut;
- iv. Mampu mencapai matlamat dengan adanya sumber yang dirancang; dan
- v. Mendapat persetujuan bertulis daripada Jabatan Pelanggan.

d) Perancangan Dan Kawalan Kos

Pejabat UPF atau PMT dikehendaki menyediakan perancangan awal skop kontrak dan anggaran awal berdasarkan analisis maklumat tapak dan data inventori aset, laporan FCA, aktiviti pengurusan fasiliti dan penyenggaraan, Spesifikasi dan SLA.

Anggaran awal ini merupakan satu semakan ke atas peruntukan yang telah disediakan dan/atau juga menjadi petunjuk terhadap amaun wang yang diperlukan bagi FMMC.

2.3 Perolehan

2.3.1 Penyediaan Dokumen Tender FMM

Dokumen Tender/Dokumen Meja Tender FMM akan disediakan dan dipelawa kepada kontrak yang dianggarkan bernilai RM1,000,001.00 dan ke atas.

Perolehan kepada FMM adalah bersifat kepada *hybrid* iaitu kombinasi antara *task based* dan *performance based*. Penyediaan dokumen hendaklah dirujuk kepada Bab 4.

Dokumen Meja Tender (TTD) hendaklah dipamerkan di pejabat yang mengeluarkan tender yang mengandungi syarat-syarat kontrak, borang tender dan borang- borang lain, spesifikasi, jadual harga, lukisan (jika ada) dan lain-lain. TTD yang telah dipamerkan hendaklah disimpan di pejabat Pegawai yang Menyediakan Tender (PMT).

2.3.2 Pelawaan dan Penerimaan Tender

Pelawaan dan penerimaan tender hendaklah ditawarkan kepada kontraktor yang berdaftar dengan LPPIM/CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dalam gred, kategori dan pengkhususan pendaftaran yang ditetapkan bagi skop kerja utama FMM. Bagi tujuan tender FMMC, pelawaan tender hendaklah dihadkan kepada kerja yang bernilai RM1,000,001.00 dan ke atas.

Bagi skop Facility Custodial Services, petender hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan/*Ministry of Finance* (MOF) dalam kod bidang berkaitan.

Bagi maksud mempelawa, notis tender lazimnya disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian utama Bahasa Melayu; contohnya Berita Harian atau Utusan Malaysia. Notis tender antara lain menyatakan gred (dan pengkhususan pendaftaran) kontraktor yang dipelawa, pejabat dari mana dokumen tender boleh diambil, pejabat dimana tender akan diserahkan kembali dan tarikh yang ditetapkan bagi penyerahan kembali tender. Dokumen tender hendaklah diambil dan diserahkan kembali di pejabat yang sama, sama ada di Pejabat JKR Negeri atau Bahagian Perolehan Dan Harta, Kementerian Kerja

Raya. Tempoh pelawaan tender lazimnya ditetapkan selama minimum tiga (3) minggu.

Tender akan dibuka oleh Jawatankuasa Membuka Tender yang akan menjadualkan nama, harga tender dan tempoh penyiapan setiap petender ke dalam satu jadual tender. Dokumen tender yang diterima, bersama dengan jadual tender, akan dikembalikan kepada pejabat yang mempelawa tender untuk penilaian. Satu jadual berasingan yang menyenaraikan harga-harga tender yang diterima disediakan dan dipamerkan pada papan kenyataan untuk makluman semua petender.

2.3.3 Penilaian Dan Setuju Terima Tender

Pejabat yang mempelawa tender akan mengkaji dan menilai tender, dan membuat perakuan kepada Lembaga Perolehan. Perakuan tender dibuat kepada sama ada Lembaga Perolehan di peringkat Negeri atau peringkat Kementerian Kerja Raya atau di peringkat Ibu Pejabat JKR, bergantung kepada harga tender dan pejabat mana (sama ada diperingkat Ibu Pejabat atau Negeri) yang menerima tender tersebut. Semua perakuan kepada Lembaga Perolehan di Kementerian Kerja Raya atau di Ibu Pejabat JKR diproses dan dikemukakan kepada Lembaga Perolehan melalui Urusetia di Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan.

SST akan dikeluarkan setelah kelulusan Lembaga Perolehan dan MOF (bergantung kepada harga tender) diperolehi. Walaubagaimana pun, sebelum SST dikeluarkan, pengesahan mengenai kecukupan peruntukan perlu dibuat terlebih dahulu dengan Kementerian/Jabatan Pelanggan.

2.3.4 Dokumen Kontrak FMM

Dokumen kontrak FMM merupakan suatu dokumen yang merekodkan terma kontrak bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak yang berkontrak secara bertulis dan direkodkan.

- a) Menjelaskan skop Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan (FMM) yang dilakukan
- b) Menetapkan harga dan tempoh siap
- c) Menetapkan pelan tindakan pelaksanaan penyenggaraan/Facilities Management Plan (FMP)
- d) Menjelaskan keperluan pencapaian tahap prestasi Pengurusan Fasiliti dan Penyenggaraan (*Key Performance Indicator* (KPI))
- e) Menjelaskan tindakan yang boleh diambil jika terdapat sebarang kemungkiran atau pertikaian oleh mana-mana pihak.

2.3.5 Pengurusan Peralihan

Terdapat dua Pengurusan Peralihan di bawah FMMC iaitu Pengurusan Peralihan Masuk dan Pengurusan Peralihan Keluar. Ia merupakan satu proses peralihan kerja operasi dan penyenggaraan di antara kontraktor sedia ada dan kontraktor baharu. Tempoh bagi Pengurusan Peralihan Masuk, adalah 3 bulan bermula dari Tarikh Mula kontrak manakala tempoh bagi Pengurusan Peralihan Keluar adalah 3 bulan sebelum Tarikh Tamat Kontrak.

2.3.6 Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

Apabila terbukti pihak kontraktor tidak mungkin dapat menyempurnakan atau memperlihatkan niatnya enggan menyempurnakan atau telah menyebabkan dirinya tidak berupaya menyempurnakan kerja adalah perlu untuk menimbangkan cara-cara lain bagi menyempurnakan kerja tersebut.

Pengambilan kerja kontraktor hendaklah ditamatkan. Notis untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor akan dikeluarkan dahulu diikuti oleh Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.

2.3.7 Terma Bayaran

Syarat-syarat kontrak memperuntukkan terma bayaran kepada kontraktor adalah secara bulanan (interim payment). Penilaian terhadap nilai kerja FMM adalah dibayar berdasarkan pelaksanaan operasi dan penyenggaraan, pencapaian prestasi kontraktor, Jadual Harga dan Jadual Pengukuran Pengurusan Prestasi. Pengiraan *Ascertained Performance Deduction (APD)* akan dibuat ke atas bayaran bagi operasi dan penyenggaraan yang tidak mencapai tahap prestasi yang ditetapkan.

2.3.8 Pengurusan Prestasi

Dokumen pengurusan prestasi bagi FMMC adalah merangkumi Jadual KPI dan APD. Bagi bangunan Kerajaan, KPI dibangunkan kepada tiga bahagian iaitu:

- a) KPI berdasarkan Prestasi (*Performance based KPI*),
- b) KPI berdasarkan Ketersediaan Perkhidmatan (*Service Availability based KPI*) dan
- c) KPI berdasarkan Ketersediaan Aset (*Asset Availability based KPI*)

2.3.9 Perubahan Kerja

Bagi maksud mengadakan perubahan kepada kerja yang terkandung dalam kontrak, Arahan Perubahan Kerja (APK) dikeluarkan dan nilai perubahan kerja diperakukan melalui Kelulusan Perubahan Kerja (KPK). Selain daripada memperakukan nilai perubahan kerja yang dilaksanakan melalui Kelulusan Perubahan Kerja (KPK), Jumlah Harga Kontrak juga hendaklah dilaraskan melalui Pelarasan Harga Kontrak (PHK).

Jumlah Harga Kontrak juga perlu dilaraskan atas sebab tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan oleh kontraktor berbangkit daripada pematuhan arahan PPF dan juga kelambatan disebabkan oleh Kerajaan atau sebab pelarasan Wang Peruntukan Sementara.

2.3.10 Akaun Muktamad

Akaun Muktamad disediakan secepat mungkin setelah kontraktor memenuhi obligasinya di bawah kontrak, yang meliputi kerja memperbaiki kecacatan dan tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan yang layak dituntut di bawah kontrak. Bayaran Muktamad dibuat melalui Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

2.3.11 *Dispute Resolution Committee (DRC)*

Sekiranya terdapat sebarang perkara berbangkit, pertikaian atau tuntutan antara kedua pihak berkontrak maka perkara ini haruslah diselesaikan secara perundingan bersama. Sekiranya gagal mencapai kata putus, maka hal ini akan dibawa ke *Dispute Resolution Committee (DRC)* untuk diputuskan.

2.3.12 Tamat Kontrak

Tarikh Tamat Kontrak atau *Expiry Date* adalah seperti yang dinyatakan di dalam SST. Satu Perakuan Tamat Kontrak akan dikeluarkan apabila keseluruhan skop kerja telah disempurnakan menurut peruntukan di dalam kontrak. Salinan Perakuan Tamat Kontrak hendaklah dikemukakan kepada pihak yang berkepentingan dan terlibat dengan kontrak.

BAB 3 – PERANCANGAN DAN KAWALAN KOS

3.1 Perancangan Kos

3.1.1 Pada peringkat perancangan Jabatan hendaklah mendapatkan keperluan Kehendak Kerajaan/*Government's Requirement* daripada Jabatan Pelanggan. Satu Pelan Pembiayaan hendaklah disediakan oleh Jabatan bagi menggariskan keperluan peruntukan dan sumbernya. Anggaran Awal hendaklah disediakan berdasarkan skop operasi dan penyenggaraan dan tahap prestasi yang dipersetujui oleh Jabatan Pelanggan.

3.1.2 Di dalam menyediakan Anggaran Awal, faktor yang perlu diambilkira iaitu:

- a) Jangka hayat rekabentuk
- b) Jangka hayat berguna/usia guna
- c) Jangka hayat ekonomi
- d) Jenis bangunan
- e) Penggunaan ruang
- f) Kelestarian
- g) Skop kerja FMM
- h) Aset yang dikategorikan bernilai tinggi dan berisiko tinggi bagi tujuan perlindungan insurans tambahan.

3.1.3 Jabatan hendaklah memastikan Anggaran Awal yang disediakan mencakupi skop kerja, pengurusan tahap prestasi operasi dan penyenggaraan yang ditetapkan bagi tempoh kontrak yang dirancang.

3.1.4 Komponen kepada Anggaran Awal hendaklah merangkumi kepada item berikut:

- a) *Preliminaries and Contractual & General Requirement*
- b) 12 skop pengurusan fasiliti di antaranya iaitu pengurusan kewangan, pengurusan kualiti, pengurusan risiko, sumber manusia, pengurusan utiliti dan lain-lain.
- c) *Computerized Maintenance Management System (CMMS)*
- d) Operasi dan penyenggaraan merangkumi kerja sivil, struktur, senibina, mekanikal, elektrik, lanskap dan perkhidmatan penjagaan kebersihan & pencucian serta kawalan serangga perosak dan lain-lain.

3.1.5 Semakan kos awal dibuat bagi memastikan peruntukan yang diluluskan adalah mencukupi. Sekiranya Anggaran Awal melebihi peruntukan yang diluluskan, peruntukan tambahan hendaklah dipohon kepada Jabatan Pelanggan atau membuat kajian semula skop sebelum tender.

3.1.6 Sumber Maklumat Kos adalah seperti berikut:

- a) Dokumen Kontrak
- b) *Monthly payment plan* - merupakan sebahagian daripada kandungan dokumen kontrak. Penggunaan maklumat hendaklah dipecahkan mengikut jenis bangunan seperti bangunan pejabat, institusi pendidikan dan istana serta pelanggan.
- c) Jadual Kadar Gaji Penjawat Awam
- d) Jadual tangga gaji boleh dijadikan asas kepada kadar gaji kepada staf utama yang diletakkan di bawah pengurusan sumber manusia.
- e) Jadual Caruman KWSP & SOCSO
- f) Perintah Am Bab G: Waktu Bekerja Dan Lebih Masa
- g) Manual Perlantikan Perunding

- h) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007 atau terkini

3.1.6 Kawalan Kos

Proses kawalan kos hendaklah diteruskan di peringkat operasi dan penyenggaraan sehingga tamat kontrak. Ia boleh dibuat melalui:

- a) Cabutan Butir-butir Permulaan (*Preliminaries Detailed Abstract – PDA*)
- b) Cabutan Butir-butir Tender (*As Tendered Detailed Abstract – ATDA*)
- c) Cabutan Butir-butir Seperti yang Disiapkan (*As Complete Detailed Abstract – ACDA*)

3.1.7 Cabutan Butir-butir Permulaan (*Preliminary Detail Abstract-PDA*)

- a) Anggaran awal yang disediakan dengan menggunakan sumber maklumat kos yang dinyatakan di perenggan 3.2.5 akan dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan Pelanggan di dalam borang Cabutan Butir-butir Permulaan.
- b) Borang Cabutan Butir-butir Permulaan bagi FMM adalah seperti ditunjukkan di **Lampiran 5**. Anggaran kos FMM dipecah kepada beberapa bahagian, iaitu:
 - i. Kerja-kerja awalan (*Preliminaries*)
 - ii. *Management Services*
 - iii. *Operation And Maintenance Services*

3.1.8 Cabutan Butir-butir Tender (*As Tendered Detailed Abstract – ATDA*)

Cabutan Butir – Butir Tender disediakan berdasarkan harga kontrak. Cabutan ini menunjukkan pecahan harga kontrak dan jumlah peruntukan yang

diperlukan. Cabutan ini juga digunakan oleh Kementerian/Jabatan Pelanggan sebelum kerja boleh dimulakan. Cabutan Butir-butir Tender adalah seperti ditunjukkan di **Lampiran 6**.

3.1.9 Cabutan Butir–Butir Seperti Yang Disiapkan (*As Completed Detailed Abstract-ACDA*)

Cabutan Butir-Butir Seperti Yang Disiapkan disediakan selepas kerja tamat di mana ia menunjukkan jumlah kos yang dibelanjakan untuk sesuatu kerja. Cabutan Butir-Butir Seperti Yang Disiapkan ini adalah seperti ditunjukkan di **Lampiran 7**. Cabutan ini juga mengandungi pelbagai perubahan kepada harga kontrak seperti berikut:

- a) Perubahan kerja (V.O)
- b) Kos lain yang terlibat

BAB 4 - PENYEDIAAN DOKUMEN TENDER

4.1 Pengenalan

Jabatan hendaklah memastikan proses perolehan dilaksanakan mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa samada melalui kaedah tender, sebutharga dan pembelian terus. Jabatan hendaklah memastikan dokumen perolehan lengkap sebelum perolehan, sebagaimana tatacara yang telah dikuatkuasakan.

4.2 Keperluan Asas Tender

4.2.1 Dokumen tender mestilah memenuhi keperluan asas seperti berikut:

- d) Skop perolehan bekalan/perkhidmatan berkaitan FMM iaitu Facility Custodial Services Kementerian Kewangan melalui surat – S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK.11 (33) bertarikh 9 Disember 2016 dibuat secara Wang Peruntukan Sementara (WPS) di dalam dokumen tender.
- a) Peruntukan dalam dokumen tender mestilah menjadi asas bagi satu kontrak yang boleh dilaksanakan oleh kontraktor secara fizikal. Kontraktor tidak boleh melaksanakan kerja yang tidak dinyatakan dalam dokumen tender tersebut kecuali mendapat arahan pihak yang diberikuasa.
- b) Peruntukan di dalam dokumen tender mestilah menggambarkan perolehan mengikut tatacara yang diluluskan oleh Kerajaan dan ianya juga hendaklah menerangkan dasar-dasar Kerajaan yang terkini.
- c) Kerja yang akan dilaksanakan hendaklah didefinisikan dan ditentukan dengan jelas dan tepat, dan dokumen tender juga hendaklah bebas dari kesamaran dan percanggahan.
- e) Kerja yang ditentukan mestilah memenuhi kehendak lain oleh Kementerian/Jabatan Pelanggan.

- f) Kerja yang ditentukan mestilah memenuhi kehendak Agensi Pelaksana/Kementerian/Jabatan Pelanggan daripada segi piawai rekabentuk dan memenuhi fungsi projek yang dikehendaki.

4.3 Penyediaan Dokumen Tender

4.3.1 Dokumen Tender/Dokumen Meja Tender (TTD) yang disediakan hendaklah mengandungi dokumen asas seperti berikut:

- a) Kenyataan Tawaran Kepada Petender
- b) Senarai semakan mengemukakan tender (tidak dijilid)
- c) Arahan Kepada Petender
- d) Borang Tender (Appendix 1)
- e) Surat Setuju Terima Tender (Appendix 2)
- f) Borang Kontrak Piawai (*P.W.D Facilities Management & Maintenance Form 2016*)
- g) Addenda kepada Syarat-Syarat Kontrak (jika ada)
- h) Government's Requirement
- f) *Facilities Management And Maintenance (FMM) Technical Specification* (Appendix 7A)
- i) *Performance Requirement* (Appendix 7B)
- j) Spesifikasi Addenda
- k) Maklumat Tapak Dan Inventori Aset (Appendix 8)
- l) Ringkasan Tender (Appendix 3)
- m) Jadual Harga (Appendix 4)

- n) Peruntukan Khas Kepada Syarat-Syarat Kontrak
- o) Jaminan bank, insurans untuk Bon Pelaksanaan dan insurans tambahan berdasarkan senarai aset yang dikategorikan bernilai tinggi dan berisiko tinggi.
- p) Senarai Lukisan Siap Bina dan Lukisan Terukur (jika ada)
- q) Borang-borang Maklumat Am Latar Belakang Petender dan dokumendokumen sokongan

Borang A - Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen yang dikemukakan oleh Petender.

Borang B - Maklumat am dan latar belakang petender

Borang C - Data-data Kewangan

Borang CA - Laporan bank/Institusi kewangan mengenai kedudukan kewangan petender

Borang D - Rekod Pengalaman Kerja

Borang E - Kakitangan Teknikal

Borang F - Keempunyaan mesin dan peralatan perkhidmatan utama

Borang G - Senarai perkhidmatan kontrak semasa

Borang GA - Laporan PPF atas prestasi perkhidmatan semasa petender (bukan projek JKR)

Borang GA1 - Laporan PPF atas prestasi perkhidmatan semasa petender

4.3.2 TTD hendaklah dipamerkan di meja tender dan dokumen tender yang mencukupi hendaklah disediakan untuk dikeluarkan kepada petender. Pada kebiasaannya, dokumen tender yang dijual kepada petender tidak mengandungi dokumen-dokumen piawai yang lengkap di mana dokumen

tersebut boleh dirujuk oleh petender dalam TTD. TTD disimpan di pejabat yang menyediakan tender.

4.4 Penerangan kepada perkara yang terkandung dalam Dokumen Tender/Dokumen Meja Tender (TTD) adalah seperti berikut:

a) Kenyataan Tender

Dokumen tender yang dikeluarkan kepada petender mestilah diiringi dengan surat kepada petender mempelawa untuk membuat tawaran. Surat tersebut hendaklah menyatakan antara lain-lain dokumen yang dikeluarkan kepada petender, seperti bayaran dokumen tender yang dikenakan, tempat, tarikh, masa mengemukakan tender. Tindakan menggantung pendaftaran dengan LPPIM/CIDB akan dikenakan bagi keengganan menjalankan kerja selepas tender disetujuterima atau menarik balik tender selepas tamat tempoh sah laku tender, dan arahan-arahan lain kepada petender.

b) Senarai Semakan Mengemukakan Tender

Dokumen Tender yang dikeluarkan kepada petender mestilah disertakan dengan senarai semak mengemukakan tender. Lazimnya senarai semak ini dikepilkan dan dikemukakan bersama Dokumen Tender. Senarai semak yang perlu disediakan ialah senarai semak untuk petender mengemukakan tender dan senarai semakan dokumen wajib.

c) Borang Kontrak

Borang Kontrak merupakan satu dokumen yang memperuntukkan hak dan tanggungan yang mengikat pihak-pihak yang berkontrak dalam melaksanakan FMMC. Borang Kontrak (*P.W.D Facilities Management &*

Maintenance Form 2016), mestilah menjadi salah satu dari dokumen di dalam Dokumen Meja Tender. Jika diperlukan ia juga boleh diberikan kepada petender bersama-sama dengan Dokumen Tender.

- d) Borang Kontrak juga membolehkan peruntukan khas kepada Syarat- Syarat Kontrak dimasukkan. Peruntukan khas yang perlu dimasukkan buat masa ini ialah:
- i. penggunaan bahan/barangan/perkhidmatan tempatan dan perolehan kerajaan.
 - ii. Lampiran kepada syarat-syarat kontrak memberi butir-butir kontrak yang dirujuk di dalam syarat-syarat kontrak. Sebahagian daripadanya adalah berhubung dengan perkara-perkara di mana maklumat perlu diisi/diberikan sama ada dengan mengisi di lampiran kepada syarat-syarat kontrak atau dengan memasukkan peruntukan yang sewajarnya ke dalam Spesifikasi atau Jadual Harga. Perkara ini adalah berkenaan dengan:
 - Jawatan pegawai yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Kerajaan bersabit dengan penangguhan dan memulakan semula kerja kontraktor, penamatan pengambilan kerja oleh kerajaan, penamatan pengambilan kerja oleh kontraktor, kesan perang atau gempa bumi, dan timbangtara [Klausu 35, 36, 37, 39 dan 40]
 - Jawatankuasa/pegawai yang diberi kuasa meluluskan kerja perubahan [Klausu 29]
 - Bon Perlaksanaan [Klausu 6]
 - Amaun minimum insurans yang dikehendaki bagi liabiliti terhadap kerja FMM, liabiliti terhadap pihak ketiga dan kerosakan kepada hartanah, amaun yang hendak ditambah kepada nilai penuh Harga Kontrak bagi insurans kerja, dan amaun fasal lebihan yang dibenarkan bagi liabiliti terhadap pihak ketiga dan insurans kerja

(Klausa 18 dan 19)

- *Percentage of on-cost charges* (Klausa 23.2.2 dan 38.2 (c))

d) Borang Tender

Borang Tender seperti di **Lampiran 8** untuk kontrak berdasarkan Jadual Harga dan spesifikasi mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender dan TTD. Petender hendaklah membuat tawaran dengan menggunakan borang tender yang ditetapkan sahaja.

e) Borang-borang Maklumat Am Latar Belakang Petender

Borang-borang ini akan disertakan bersama Dokumen Tender dan dijilid secara berasingan. Petender wajib mengembalikan borang berkenaan bersama Dokumen Tender sebelum tender ditutup untuk tujuan penilaian dan perakuan tender.

f) Surat Setuju Terima Tender (SST)

SST seperti di **Lampiran 9** mestilah menjadi sebahagian daripada TTD. Ini adalah perlu untuk menunjukkan kepada petender kandungan Surat SST yang akhirnya akan menjadi sebahagian dari Dokumen Kontrak.

g) Jaminan Bank dan Insurans untuk Bon Pelaksanaan

Borang jaminan bank dan insurans untuk Bon Pelaksanaan seperti di **Lampiran 10** mestilah menjadi sebahagian daripada TTD. Ini adalah perlu untuk memberitahu kepada petender syarat-syarat jaminan yang akan diluluskan oleh Kerajaan.

h) Insurans Tambahan untuk FMM

Aset-aset bernilai/berisiko tinggi hendaklah dilindungi dengan insurans tambahan di bawah tanggungan Kontraktor FMM.

i) *Facilities Management And Maintenance (FMM) Technical Specification*

Spesifikasi mestilah menjadi sebahagian Dokumen Tender. Spesifikasi menentukan keperluan kerja dan juga keperluan lain Kontrak yang tidak dinyatakan dalam mana-mana dokumen lain. Di mana spesifikasi piawai penyenggaraan bangunan digunakan, ianya hendaklah dijadikan sebagai spesifikasi addenda.

j) Jadual Harga

Jadual Harga adalah dokumen yang terkandung dalam Dokumen Tender, yang mengandungi skop kerja yang terlibat dalam pengurusan fasiliti dan penyenggaraan sesebuah premis. Jadual Harga membolehkan kontraktor menghargakan setiap butiran kerja yang terlibat untuk mendapatkan jumlah harga tawaran. Kontrak berdasarkan Jadual Harga mestilah menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender yang dikeluarkan kepada petender dan juga menjadi sebahagian daripada TTD. Jadual Harga mestilah disediakan oleh seorang yang terlatih dan berkelayakan. Ini adalah sangat penting kerana sebarang kesamaran, percanggahan atau kesilapan dalam

Jadual Harga akan membawa kepada permasalahan pentadbiran kontrak dan boleh menimbulkan pertikaian antara kontraktor dan Kerajaan. Klausula memperuntukkan *Schedule of Price* (Appendix 4 COC) merupakan asas kepada Harga Kontrak. Sekiranya terdapat kesilapan ianya mestilah diperbetulkan dan tidak dianggap membatalkan kontrak. Kuantiti Sementara yang diperuntukkan di dalam *Schedule of Price* adalah merupakan kuantiti anggaran dan tertakluk kepada pengukuran semula.

k) Lukisan-Lukisan Siap Bina/Lukisan Terukur (jika ada)

Lukisan-lukisan Siap Bina/Lukisan Terukur perlulah dirujuk untuk pelaksanaan kerja dan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender yang dikeluarkan kepada petender.

BAB 5 - PELAWAAN DAN PENERIMAAN TENDER

5.1 Pendahuluan

Tender hendaklah dipelawa untuk kerja-kerja pengurusan fasiliti dan penyenggaraan yang kosnya dianggarkan RM1,000,001.00 dan ke atas.

Elemen utama dalam aktiviti ini adalah seperti berikut:

- a) Notis tender
- b) Taklimat, lawatan tapak dan penyerahan kelayakan petender
- c) Pengesahan kelayakan petender
- d) Pelawaan tender
- e) Penyerahan dokumen tender oleh petender

5.2 Kelayakan Kontraktor-Kontraktor Untuk Menender

5.2.1 Untuk layak menender, kontraktor hendaklah berdaftar dengan LPPIM/CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang ditetapkan untuk tender pengurusan fasiliti.

Keperluan lain yang berkaitan dengan kelayakan menender adalah mengikut seperti keperluan tender kerja.

5.2.2 Taraf Bumiputera

Jabatan hendaklah memastikan tender yang ditawarkan berstatus Bumiputera ataupun tidak. Sekiranya pelawaan memerlukan status Bumiputera, kontraktor hendaklah memiliki Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah.

5.2.3 Pelawaan tender FMM hendaklah dibuat kepada syarikat-syarikat berdasarkan had kewangan sebagaimana di bawah:

- a) Tender bernilai tidak melebihi RM30 juta hendaklah dipelawa kepada syarikat yang seratus peratus (100%) milik warganegara.

- b) Tender bernilai antara RM30 juta hingga RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:
 - i) Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau
 - ii) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan saham individu asing tidak melebihi tiga puluh peratus (30%) dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai seratus peratus (100%) oleh warganegara.

- c) Tender bernilai melebihi RM50 juta hendaklah dipelawa kepada:
 - i) Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara; atau
 - ii) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau
 - iii) Syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan peratus (49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

5.3 Pra-Kelayakan

5.3.1 Pra-kelayakan hendaklah dilaksanakan dengan mendapatkan kelulusan daripada Ketua Pengarah Kerja Raya (KPKR).

5.3.2 Jabatan hendaklah menyediakan dokumen pra-kelayakan dan mengeluarkan iklan pra-kelayakan di akhbar-akhbar tempatan sekurang-kurangnya satu (1) akhbar harian utama Bahasa Malaysia dan bagi tender antarabangsa sekurang-kurangnya dua (2) akhbar tempatan iaitu satu (1) Bahasa Malaysia dan satu (1) Bahasa Inggeris.

- 5.3.3 Bagi pelawaan pra-kelayakan tempatan, tarikh tutup hendaklah sekurang-kurangnya empat belas (14) hari dari tarikh dokumen pra-kelayakan dikeluarkan. Bagi pelawaan pra-kelayakan antarabangsa, tarikh tutup hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh lapan (28) hari dari tarikh dokumen pra-kelayakan dikeluarkan.
- 5.3.4 Tempoh sah laku pra-kelayakan hendaklah tidak melebihi seratus dua puluh (120) hari dari tarikh tutup pra-kelayakan. Jabatan hendaklah mempelawa tender dalam tempoh sah laku pra-kelayakan tersebut. Jika tender tidak dipelawa dalam tempoh sah laku berkenaan, proses pra-kelayakan hendaklah dibuat semula.
- 5.3.5 Selepas penerimaan dokumen pra-kelayakan, Jawatankuasa Pra Kelayakan (JPK) hendaklah membuat penilaian dan memperakukan senarai pendek petender yang layak kepada Lembaga Perolehan untuk kelulusan. Senarai pendek petender hendaklah seboleh-bolehnya tidak kurang dari lima (5) petender dan tidak melebihi sepuluh (10) petender. Sekiranya terdapat lebih daripada sepuluh (10) petender yang berkelayakan, pemilihan hendaklah dibuat berdasarkan sepuluh (10) yang terbaik.

5.4 Tender Terhad

- 5.4.1 Dalam keadaan di mana kerja perlu dilaksanakan segera atau sebab-sebab keselamatan, tender boleh dipelawa secara tender terhad di kalangan kontraktor Bumiputera yang layak. Pemilihan kontraktor yang layak dan kelulusan tender bagi tender yang tidak melebihi RM10 juta hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Perolehan Jabatan. Bagi tender yang melebihi had nilai di atas hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan.
- 5.4.2 Permohonan untuk tender terhad hendaklah dibuat dengan memberi maklumat berikut:
- a) Tajuk Kerja

- b) Skop Kerja
- c) Anggaran Kos Kerja
- d) Kelas, kepala serta sub-kepala pendaftaran yang dikehendaki
- e) Sebab-sebab tender terpilih dicadangkan
- f) Tempoh kontrak inginan
- g) Maklumat kontraktor termasuk alamat, kelas, taraf, rekod pengalaman kerja yang lepas dan kerja semasa.

5.4.3 Memandangkan kemungkinan berlakunya muafakat dalam tender terhadap, semua maklumat yang berkaitan adalah sulit.

5.5 Notis Tender

5.5.1 Semua pelawaan tender tempatan hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu (1) akhbar harian utama Bahasa Melayu. Kandungan iklan tender hendaklah jelas, kemas, ringkas dan tidak mendatangkan apa-apa keraguan atau pembaziran. Kandungan iklan tender hendaklah menyatakan perkara berikut:

- a) Jabatan yang memanggil tender
- b) Tajuk tender yang diiklankan
- c) Jenis tender, sama ada terbuka dan/atau khas Bumiputera;
- d) Syarat-syarat kelayakan petender;
- e) Bagi tender bekalan dan/atau perkhidmatan (*Facility Custodial Services*) dilaksanakan secara WPS dan dipelawa kepada kontraktor berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang dan sub-bidang yang berkenaan; dan

- f) Bagi tender skop kerja utama FMM – Pelawaan hendaklah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dalam gred, kategori dan pengkhususan pendaftaran yang tertentu bagi skop kerja utama FMM.
- g) Tempat, tarikh dan masa dokumen tender dijual;
- h) Tempat, tarikh dan masa bagi lawatan tapak/premis (jika berkenaan);
- i) Harga, cara bayaran dan jawatan penerima bayaran dokumen tender; dan
- j) Tempat, tarikh dan waktu tender diterima dan ditutup

5.5.2 Contoh iklan tender adalah seperti di **Lampiran 11**. Bagi mengurangkan kos pengiklanan, Agensi yang mempunyai banyak tender adalah digalakkan untuk merangkumkan kesemua tender di dalam satu kenyataan tender sahaja.

5.5.3 Masa yang cukup hendaklah diberi bagi membolehkan petender mengkaji tawaran dan membuat persediaan bagi sesuatu tender. Untuk tujuan ini, tarikh tender ditutup hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dari tarikh dokumen tender mula dijual.

5.5.4 Semakan gred, kategori dan pengkhususan hendaklah dibuat ke atas pretender yang menyertai taklimat tender.

5.5.5 Jabatan hendaklah memastikan tender dijual kepada petender yang hadir dan mempunyai pengesahan lawatan tapak.

5.5.6 Bagi tender yang melibatkan lawatan tapak/premis, agensi hendaklah memastikan bahawa tarikh tutup tender hendaklah sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari dari tarikh lawatan yang ditetapkan. Jabatan hendaklah mensyaratkan bahawa hanya penama di dalam PPK, SPKK sahaja boleh menghadiri lawatan tapak atau taklimat dan tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama yang dibenarkan di dalam sijil.

5.5.7 Jabatan hendaklah menetapkan jam 12.00 tengah hari pada hari tender ditutup (hari bekerja) sebagai waktu terakhir untuk menerima tender. Tender yang

lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dipertimbangkan.

- 5.5.8 Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memasukkan/menghantar sesalinan kenyataan tender yang diiklankan ke dalam web masing-masing dan pautan (*hyperlink*) kepada laman web '*MyGovernment Portal*' [www.gov.my].
- 5.5.9 Bagi tender kerja untuk proses kerja/pembinaan Kerajaan, Jabatan juga dikehendaki memasukkan secara 'online' maklumat iklan tender kerja ke dalam laman web CIDB. Iklan tersebut boleh dimasukkan secara percuma melalui laman web khas CIDB iaitu di alamat www.tender.gov.my. Panduan untuk memasukkan iklan tender secara *online* boleh diperolehi daripada alamat tersebut.
- 5.5.10 Bagi tender yang dikendalikan oleh perunding, peraturan perolehan seperti di perenggan 5.5.1 hingga 5.5.7 hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Selain daripada itu, penjualan dan penyerahan dokumen tender hendaklah diuruskan di pejabat yang mengendalikan perolehan tersebut.

5.6 Kadar Bayaran Dokumen Tender (*Hard Copy/Soft Copy*)

- 5.6.1 Dokumen tender hendaklah dijual dalam bentuk *hard copy*. Sekiranya perlu, Jabatan boleh menyediakan dokumen tender dalam bentuk *soft copy*, dan bayaran tambahan sebanyak RM10 bagi sekeping cakera padat hendaklah dikenakan kepada petender yang memerlukan. Sekiranya terdapat percanggahan maklumat antara *soft copy* dan *hard copy*, dokumen dalam *hard copy* hendaklah diguna pakai.
- 5.6.2 Walau bagaimanapun, tender hendaklah dikemukakan dalam bentuk *hard copy* sahaja.
- 5.6.3 Pengiraan harga satu (1) set dokumen tender hendaklah dibuat berdasarkan kadar harga yang diperuntukkan di dalam 1PP/PK2 yang berkuatkuasa.

- 5.6.4 Bayaran minimum bagi tiap-tiap satu (1) set dokumen tender ialah RM50.
- 5.6.5 Jika dokumen tender disediakan oleh perunding yang dilantik, perunding tidak dibenarkan mengguna kadar harga di atas untuk apa-apa jenis tuntutan termasuk tuntutan imbuhan balik daripada Jabatan.
- 5.6.6 Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpaling (*postal order*), dan dibayar atas nama Ketua Jabatan berkenaan. Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan, Wang Tunai atau cek tidak boleh diterima.
- 5.6.7 Apa-apa dokumen yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan bagi maksud perolehan Kerajaan yang bernilai melebihi RM500,000 perlu juga dikenakan bayaran seperti di perenggan 5.6.3.
- 5.6.8 Bagi dokumen tender yang mempunyai *Security Drawing* atau *Security Document*, deposit sebanyak RM5,000 hendaklah dikenakan kepada petender. Deposit ini akan dikembalikan apabila *Security Drawing* atau *Security Document* tersebut dikembalikan kepada Agensi dalam keadaan asal semasa ianya dikeluarkan.
- 5.6.9 Bayaran deposit untuk *Security Drawing* atau *Security Document* hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (*money order*) atau wang kiriman pos berpaling (*postal order*), dan dibayar atas nama ketua Agensi berkenaan.
- Bagi Jabatan Mengakaun Sendiri, bayaran boleh juga dibuat kepada Ketua Akauntan Jabatan berkenaan. Wang Tunai atau cek tidak boleh diterima.

5.7 Penjualan Dokumen Tender

- 5.7.1 Dokumen tender hendaklah dijual di pejabat yang dinyatakan dalam iklan tender.

- 5.7.2 Jabatan hendaklah mempamerkan dokumen Meja Tender di tempat penjualan tender untuk membolehkan petender menyemak dokumen tender tersebut sebelum membuat pembelian.
- 5.7.3 Setiap petender hanya dibenarkan membeli satu dokumen tender dan mengemukakan satu tender sahaja. Tender alternatif adalah tidak dibenarkan.
- 5.7.4 Pegawai yang menjual dokumen tender hendaklah:
- a) Memastikan wakil kontraktor menunjukkan bukti bertulis bahawa beliau diberi kuasa untuk membeli dokumen tender;
 - b) Memastikan wakil kontraktor menunjukkan salinan asal atau salinan yang diakui sah Sijil Pendaftaran Kontraktor yang masih berkuatkuasa atau kontraktor tidak digantung dari memasuki tender.
 - c) Memastikan bagi tender khas Bumiputera, wakil kontraktor menunjukkan salinan asal atau salinan yang diakui sah Sijil Taraf Bumiputera; dan
 - d) Memastikan bahawa petender telah menghadiri taklimat tender atau lawatan tapak yang diwajibkan.
- 5.7.5 Pegawai yang menjual dokumen tender hendaklah mencatatkan nama, alamat, kelas pendaftaran, taraf kontraktor, dan tarikh menjual tender di atas Borang Tender dan menandatangani.
- 5.7.6 Semua bayaran yang diterima untuk dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam hasil Kerajaan, manakala wang cagaran lukisan dimasukkan dalam akaun simpanan untuk dipulangkan kepada petender kelak.

5.8 Tempoh Sah Laku Tender

- 5.8.1 Sebelum sesuatu tender dipelawa, satu jadual pelaksanaan hendaklah disediakan bagi menunjukkan anggaran masa, untuk masa setiap peringkat, dari tarikh penyediaan spesifikasi sehingga keputusan dibuat.
- 5.8.2 Tempoh sah laku tender yang munasabah hendaklah ditetapkan dengan mengambil kira faktor berikut:
- a) Jangka masa untuk menilai tawaran dari segi teknikal;
 - b) Jangka masa untuk menilai tawaran dari segi harga;
 - c) Jangka masa untuk menilai keupayaan petender;
 - d) Jangka masa untuk menyediakan laporan dan masa yang diperlukan untuk membuat keputusan bagi tender tersebut; dan
 - e) Jangka masa untuk membuat keputusan dan mengeluarkan SST kepada petender yang berjaya.
- 5.8.3 Penilaian tender hendaklah dilakukan dengan segera dan tidak melewati tempoh ditetapkan dalam jadual pelaksanaan tender.
- 5.8.4 Tempoh sah laku tender yang minimum adalah sembilan puluh (90) hari, yang dikira dari tarikh tender ditutup.
- 5.8.5 Pejabat yang memanggil tender tidak digalakkan untuk melanjutkan tempoh sah laku tender daripada tempoh sah yang telah ditetapkan kerana ini boleh menyebabkan petender menarik diri. Sekiranya perlanjutan tempoh sah laku tender diperlukan, perlanjutan hendaklah dibuat sebelum tarikh tempoh sah laku asal tamat dengan kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Agensi yang berkenaan.
- 5.8.6 Sebarang pembatalan tender hendaklah mendapat kelulusan Pengerusi Lembaga Perolehan Jabatan yang berkenaan dan dimaklumkan kepada Lembaga Perolehan Jabatan dengan menyatakan sebab-sebab pembatalan.

5.9 Penerimaan Dan Membuka Tender

- 5.9.1 Tender (termasuk anggaran Jabatan) hendaklah dikemukakan pada masa dan tarikh, dan di tempat yang dinyatakan dalam notis tender, dan dimasukkan ke dalam peti tender berkenaan. Setiap peti tender hendaklah dipasangkan dengan dua kunci yang berbeza dan anak kuncinya hendaklah dipegang secara berasingan oleh dua orang pegawai kanan Jabatan.
- 5.9.2 Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dianggotai sekurang-kurangnya oleh dua (2) orang pegawai, di mana seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional atau setaraf.
- 5.9.3 Pelantikan ahli Jawatankuasa Pembuka Tender hendaklah dibuat secara bertulis oleh Ketua Jabatan/Bahagian yang menguruskan tender.
- 5.9.4 Semasa dokumen tender dibuka (termasuk anggaran jabatan), ahli-ahli Jawatankuasa Membuka Tender mestilah menyenaraikan nama, kelas pendaftaran, taraf dan harga tender setiap petender dan tempoh siap kerja, mengikut susunan tender-tender tersebut dibuka, di dalam jadual tender kerja dan mereka kemudian menandatangani. Anggaran jabatan mestilah juga dicatatkan di dalam jadual tender kerja. Dokumen tender yang diterima mestilah dinomborkan dan ditandatangani ringkas oleh ahli-ahli Jawatankuasa Membuka Tender.
- 5.9.5 Selain daripada jadual tender kerja, satu senarai yang berasingan yang menyenaraikan hanya harga tender yang diterima dan tempoh siap kerja hendaklah disediakan dan ditampal di papan notis untuk makluman petender dan orang awam.
- 5.9.6 Sebarang tender yang diterima selepas masa yang ditentukan tidak boleh dibuka, dan catatan hendaklah dibuat tentang dalam keadaan mana ia diterima, untuk dikemukakan kepada Lembaga Tender.

5.9.7 Bagi tender yang melibatkan keselamatan negara, Jabatan tidak diwajibkan mempamerkan jadual tender kerja tersebut.

5.9.8 Pejabat yang memanggil tender bertanggungjawab menguruskan semua urusan tender dari mula sehingga proses tender selesai. Sebagai panduan, antara tugas Pejabat yang memanggil tender adalah seperti berikut:

- a) Menguruskan perancangan awal dan jadual pelaksanaan tender;
- b) Mengurus dan menyediakan dokumen tender;
- c) Menguruskan iklan atau pelawaaan tender;
- d) Menyediakan rekod penjualan dokumen tawaran dan mengatur lawatan tapak/premis (jika berkenaan);
- e) Menutup peti tender pada tarikh dan masa tutup yang ditetapkan;
- f) Menjaga keselamatan peti tender dan dokumen tender;
- g) Menguruskan pembukaan tender; dan
- h) Menguruskan penilaian tender.

5.10 Merahsiakan Maklumat Dan Kedudukan Sesuatu Tender

5.10.1 Semua maklumat berkenaan sesuatu tender termasuk dokumen tender dan penilaian tender hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT dan tidak boleh disebarikan kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat sebelum keputusan muktamad dibuat.

5.10.2 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan tentang keperluan merahsiakan maklumat dan kedudukan sesuatu tender kepada pegawai yang berkenaan di bawah arahan pentadbirannya. Rujukan hendaklah dibuat kepada peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Akta Pencegahan Rasuah 1997 (Akta 575). Pegawai awam yang didapati

membocorkan rahsia berkenaan sesuatu tender adalah dianggap telah melanggar peruntukan dalam Akta-akta tersebut dan tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap pegawai awam yang terlibat.

5.11 Peruntukan Melarang Pengiklanan Dan Publisiti

5.11.1 Pejabat yang menguruskan tender hendaklah memasukkan peruntukan berkenaan larangan pengiklanan dan publisiti dalam syarat tender dan dokumen kontrak. Contoh peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

“IKLAN & PUBLISITI”

Tiada maklumat berkenaan kontrak boleh disiarkan dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan/media massa melainkan jika pengiklanan itu telah pun dihantar kepada dan diluluskan oleh Kerajaan terlebih dahulu.”

5.12 Penjelasan Lanjut

5.12.1 Kebenaran bertulis hendaklah diperolehi daripada Pengerusi Lembaga Perolehan sekiranya Jawatankuasa Penilaian memerlukan penjelasan lanjut daripada petender semasa proses penilaian tender. Walau bagaimanapun, sebarang perundingan tidak dibenarkan. Penjelasan tersebut hendaklah diuruskan oleh Urus Setia Tender secara bertulis.

5.12.2 Semua pihak yang terlibat dalam sesuatu urusan tender termasuk mempertimbangkan sesuatu tender dilarang mengubah apa-apa maklumat yang dikemukakan petender di dalam dokumen tender termasuk harga, pengalaman petender dan sebagainya. Sekiranya terdapat kesilapan pengiraan oleh petender dan berlaku perbezaan harga di antara harga di dalam Senarai Kuantiti dan Borang Tender yang telah ditandatangani, harga di dalam Borang Tender hendaklah diguna pakai dalam mempertimbangkan sesuatu perolehan.

BAB 6 - PENILAIAN DAN SETUJU TERIMA TENDER

6.1 Pendahuluan

Anggaran Jabatan hendaklah disediakan oleh PMT dan hendaklah diklasifikasikan sebagai SULIT. Selepas tender dibuka dan disenaraikan Anggaran Jabatan dan dokumen tender hendaklah dikembalikan ke pejabat yang menyediakan tender untuk dibuat penilaian tender. Tatacara penilaian tender hendaklah merujuk kepada tatacara penilaian tender kerja yang berkuatkuasa dan keperluan 1PP Perolehan Kerajaan (PK 2) serta Pekeliling KPKR yang berkaitan.

6.2 Keperluan Anggaran Jabatan

- a) Menyediakan anggaran harga jabatan bagi setiap tender dan memasukkannya ke dalam Peti Tawaran sebelum tarikh tutup tender.
- b) Disahkan oleh Ketua Jabatan/Cawangan/Bahagian/Unit berkenaan.
- c) Disediakan dalam dua salinan sahaja, satu salinan dimasukkan ke dalam peti tender sebelum atau pada masa dan tarikh tutup tender yang ditetapkan dan satu salinan lagi hendaklah disimpan di dalam fail sulit oleh pegawai berkenaan di pejabat yang menyediakan tender.
- d) Tidak dipinda bagi menyesuaikan dengan harga tender yang diterima.
- e) Di samping anggaran perunding, Jabatan hendaklah menyediakan Anggaran Jabatan sendiri (di mana FMMC menggunakan khidmat perunding).

6.3 Penilaian Tender

Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah melantik Jawatankuasa Penilaian Tender secara bertulis bagi sesuatu tender. Proses penilaian tender hendaklah disiapkan dan dilaksanakan seboleh-bolehnya tidak melebihi tempoh tiga puluh

(30) hari dari tarikh tawaran tender dikemukakan kepada Jawatankuasa Penilaian Tender.

6.3.1 Kesempurnaan Tender

Penilaian hendaklah dibuat ke atas kesempurnaan Dokumen Wajib dan Dokumen Sokongan yang berkaitan iaitu Lembaran Imbangan, Penyata Bulanan Akaun Bank, Laporan Bank, Laporan Penyelia Projek Bagi Kerja Semasa Bukan Kerja JKR. Ketidakesempurnaan dokumen boleh menyebabkan ikatan kontrak tidak boleh diwujudkan sekiranya tender tersebut disetujuterima. Kekurangan di dalam dokumen tender seperti Lembaran Imbangan, Penyata Bulanan Akaun Bank dan lain-lain yang tidak disertakan hendaklah dinyatakan di dalam Laporan Penilaian Tender.

6.3.2 Penilaian Keupayaan Petender

Jawatankuasa yang menilai tender hendaklah memastikan perkara berikut diambil kira:

- a) Memastikan petender memenuhi kesemua syarat yang dinyatakan dalam dokumen tender.
- b) Menilai keupayaan teknikal petender seperti pengalaman kerja termasuk rekod prestasi, projek yang sedang dilaksanakan, kakitangan teknikal dan keempunyaan loji dan peralatan asas (disewa atau milik sendiri).
- c) Menilai keupayaan kewangan petender dari segi modal pusingan, networth, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.
- d) Menilai keupayaan kakitangan teknikal petender untuk kriteria pengurusan fasiliti seperti bilangan kakitangan, pengalaman kerja, keempunyaan loji dan peralatan.
- e) Menilai harga tender yang ditawarkan berdasarkan tawaran yang paling menguntungkan Kerajaan.

6.3.3 Beberapa syarat yang perlu dipatuhi semasa penilaian tender iaitu:

- a) Tender yang perlu dipertimbangkan adalah terhadap kepada tender yang telah dibuka dan disenaraikan dalam jadual tender sahaja. Tender yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dibuka dan dibuat penilaian.
- b) Semua pihak yang terlibat dalam sesuatu urusan tender termasuk mempertimbangkan sesuatu tender dilarang mengubah apa-apa maklumat yang dikemukakan petender di dalam dokumen tender termasuk harga, pengalaman petender dan sebagainya.
- c) Di mana dokumen tender membenarkan tender alternatif (contohnya kerja cerucuk) dikemukakan, setiap alternatif mestilah diambil kira dan dinilai sebagai satu tender berasingan. Di mana tender tidak meminta petender memberi alternative, sebarang alternative yang ditawarkan tidak akan dipertimbangkan.
- d) Perhubungan dengan petender adalah tidak dibenarkan semasa proses penilaian tender. Walau bagaimanapun sekiranya penjelasan atau pengesahan diperlukan daripada petender, ianya mestilah diperolehi secara bertulis setelah mendapat kebenaran daripada pihak berikut:
 - i. Tender bagi pertimbangan Lembaga – Pengerusi Lembaga Perolehan diperingkat Negeri Perolehan Tender berkenaan.
 - ii. Tender bagi pertimbangan Lembaga – Pengerusi Lembaga Perolehan ‘A’ atau ‘B’ Perolehan Tender di peringkat Ibu Pejabat JKR berkenaan.
 - iii. Tender bagi pertimbangan Lembaga – Pengerusi Lembaga Kementerian Kerja Raya berkenaan.
- e) Semua dokumen dan maklumat yang berkaitan dengan sesuatu tender termasuk analisa penilaian tender adalah SULIT dan tidak boleh diberitahu kepada mana-mana pihak yang tidak terlibat dengan penilaian tender tersebut.

6.4 Perakuan Kepada Lembaga Perolehan

Ketua Jabatan hendaklah membuat perakuan kepada Lembaga Perolehan berdasarkan kepada Laporan Penilaian Tender. Perakuan tersebut hendaklah berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan agensi dan hendaklah mengambilkira prinsip perolehan dan dasar semasa Kerajaan. Perakuan tersebut juga hendaklah menyatakan dengan khusus tawaran petender yang dicadangkan untuk dipertimbangkan.

6.5 Lembaga Perolehan

Lembaga Perolehan di JKR terbahagi kepada dua peringkat iaitu di peringkat Ibu Pejabat dan di peringkat Negeri. Di peringkat Ibu Negara, terdapat dua Lembaga Perolehan iaitu “Lembaga Perolehan ‘A’ JKR” (bagi tender bernilai melebihi RM20 Juta tetapi tidak melebihi RM100 Juta) dan “Lembaga Perolehan ‘B’ JKR” (bagi tender bernilai kurang dari RM20 Juta). Di peringkat Kementerian Kerja Raya (KKR), terdapat dua Lembaga Perolehan iaitu “Lembaga Perolehan ‘A’ KKR” (bagi tender bernilai melebihi RM20 Juta tetapi tidak melebihi RM100 Juta) dan “Lembaga Perolehan ‘B’ KKR” (bagi tender bernilai kurang dari RM20 Juta).

6.5.1 Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan:

Pelantikan dan Keahlian Lembaga Perolehan adalah mengikut seperti mana yang telah disenaraikan dalam Perolehan Kerja.

6.5.2 Tanggungjawab Lembaga Perolehan

Tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan, Lembaga Perolehan bertanggungjawab mempertimbangkan dan setuju terima tender berasaskan

kepada prinsip, dasar dan peraturan Kerajaan. Antara tanggungjawab dan tugas Lembaga Perolehan adalah seperti berikut:

- a) Memeriksa dan meneliti pendaftaran dengan Kementerian Kewangan atau Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan LPIP/CIDB, iklan tender yang disediakan oleh Jawatankuasa Pembuka Tender, laporan penilaian tender dan laporan penilaian kewangan dan lain-lain;
- b) Memastikan semua pelawaan tender mematuhi tatacara pengurusan tender yang berkuatkuasa. Bagi tender bekalan, pelawaan hendaklah dikalangan pembuat sahaja dan jika tiada pembuat tempatan, tender hendaklah dipelawa di kalangan pembekal. Tender tidak boleh dipelawa bersekali di kalangan pembuat tempatan dan pembekal;
- c) Menyemak keupayaan teknikal dan kewangan petender;
- d) Mempertimbang dan memutuskan tender yang paling menguntungkan dengan mengambilkira harga, perkhidmatan atau kegunaan barangan, kuantiti, kualiti, tempoh penyerahan atau penyiapan, kos penyelenggaraan dan faktor lain yang berkaitan;
- e) Memutuskan untuk mendengar semula atau mengesyorkan kaedah perolehan yang lain, jika Lembaga Perolehan mendapati tatacara perolehan tidak mengikut peraturan yang ditetapkan atau mengesyaki perkara luar aturan berlaku;
- f) Mempertimbangkan dan setuju terima tender dengan syarat keputusan hendaklah sebulat suara dan selaras dengan had nilai yang diluluskan;
- g) Mempertimbangkan dan setuju terima mana-mana sebut harga yang diperakukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga yang melebihi had nilai sebut harga;
- h) Sekiranya ahli Lembaga Perolehan masih memerlukan maklumat lanjut daripada petender mengenai sesuatu perkara semasa mesyuarat

bersidang, Lembaga Perolehan boleh meminta Urusetia Tender mendapatkan maklumat berkenaan:

- i. Mana-mana ahli Lembaga Perolehan yang mempunyai apa-apa kepentingan mengenai sesuatu tender itu, ahli tersebut hendaklah mengisytiharkan kepentingannya serta menarik diri dari perbincangan dan keputusan tender berkenaan dan perkara ini hendaklah diminitkan;
- ii. Ahli Lembaga Perolehan hendaklah bersikap neutral dan professional dalam mempertimbangkan sesuatu tender serta bebas dari pengaruh luar; dan
- iii. Memastikan ahli Lembaga Perolehan berserta Urusetia mesyuarat sahaja berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan tender hendak dibuat. Mana-mana pihak yang bukan ahli Lembaga Perolehan tidak dibenarkan berada di dalam bilik mesyuarat semasa keputusan dibuat dan Pengerusi Lembaga Perolehan hendaklah memastikan peraturan ini dipatuhi.

6.5.3 Pengerusi Lembaga Perolehan adalah bertanggungjawab memastikan Agenda Mesyuarat turut merangkumi pengesahan minit mesyuarat, perancangan tender, laporan kemajuan tender sebelum membincangkan kertas pertimbangan tender. Bagi tujuan penyelenggaraan rekod, kesemua perkara tersebut hendaklah diminitkan dengan jelas bagi memudahkan rujukan. Pengerusi Lembaga Perolehan diberi kuasa untuk melanjutkan tempoh sah laku tender.

6.5.4 Ketua Jabatan tidak boleh mengambil bahagian sebagai ahli Lembaga Perolehan semasa tender dari Jabatannya sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa tersebut. Adalah menjadi tanggungjawab Setiausaha Kerajaan Negeri/Pegawai Kewangan Negeri/Pegawai Kemajuan Negeri sebagai pengerusi Lembaga Perolehan untuk menentukan keputusan dibuat oleh Pengerusi dan sekurang-kurang dua ahli lain.

6.5.5 Kedua-dua Lembaga Perolehan di peringkat Ibu Pejabat JKR dan KKR adalah diberi kuasa meluluskan tender yang mana harga tender adalah tidak melebihi RM100 juta. Di mana harga tender melebihi RM100 juta, tender tersebut dan perakuan Lembaga Perolehan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan untuk kelulusan. Lembaga Perolehan di peringkat Negeri di beri kuasa meluluskan tender yang mana harganya tidak melebihi RM20 juta.

6.6 Surat Niat

6.6.1 Surat Niat ialah surat yang dikemukakan kepada petender yang kandungannya meliputi hasrat/niat Kerajaan untuk menerima tawaran petender, tertakluk kepada persetujuan selepas perbincangan/rundingan diadakan antara pihak Kerajaan dengan petender berkaitan syarat dan terma yang ditetapkan oleh Kerajaan. Surat Niat bagaimanapun tidak mengikat Kerajaan dan kontraktor kepada satu kontrak yang sah.

6.6.2 Keadaan di mana Kerajaan perlu memaklumkan berkenaan syarat dan terma tertentu yang perlu dipatuhi sebelum memasuki tender mana Surat Niat perlu dikemukakan kepada petender. Contoh format dan kandungan Surat Niat adalah seperti di **Lampiran 12**.

6.7 Surat Setuju Terima Tender (SST)

6.7.1 SST ialah surat pengesahan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen tender dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui yang berkaitan dengan kontrak tersebut. Surat ini merupakan dokumen perundangan yang sah dan merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak. Satu ikatan kontrak mula wujud di antara Kerajaan dengan petender setelah SST ditandatangani dan dikembalikan oleh petender

kepada Kerajaan. SST haruslah dielakkan daripada unsur-unsur bersyarat di dalam isi kandungannya.

- 6.7.2 SST ialah surat yang mengesahkan penerimaan sesuatu tawaran berasaskan kepada syarat yang telah ditetapkan dalam dokumen tender, syarat yang telah dipersetujui dalam Surat Niat dan apa-apa syarat lain yang telah dipersetujui melalui rundingan sebelumnya. Sehubungan dengan itu, apa-apa syarat yang telah dipersetujui sebelumnya hendaklah dinyatakan dengan jelas dan persetujuan tersebut merupakan sebahagian daripada perjanjian kontrak.
- 6.7.3 Apabila semua perkara telah diselesaikan dan tiada rundingan lanjut diperlukan, SST hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya secepat mungkin sebaik sahaja keputusan Lembaga Perolehan diperolehi dan dalam tempoh sah laku tender.
- 6.7.4 Sebelum SST dikeluarkan PMT hendaklah menyediakan "As Tendered Detailed Abstract" (ATDA) sebaik sahaja menerima keputusan tender dan mengemukakan kepada Jabatan Pelanggan bagi tujuan pengesahan peruntukan oleh Pelanggan.
- 6.7.5 Sebelum SST dikeluarkan, PMT hendaklah melaraskan harga dan kadar harga petender yang berjaya selaras dengan SAKPKR Bil. 12/2011.
- 6.7.6 Pelarasan harga dan kadar harga yang tidak dipersetujui oleh petender yang berjaya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh SST setelah dirujuk semula ke Lembaga Perolehan untuk pertimbangan dan keputusan selanjutnya.
- 6.7.7 Setelah peruntukan disahkan, SST hendaklah dikeluarkan kepada petender yang berjaya secepat mungkin bersama-sama Cadangan Pelarasan Harga dan Kadar Harga yang disediakan Jabatan.
- 6.7.8 SST hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa Menandatangani Kontrak di Bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949

(Semakan 1973) selaras dengan Surat Pemberian Kuasa Daripada Menteri Kerja Raya bertarikh 14 Julai 2009.

6.7.9 Setelah SST ditandatangani, ia hendaklah diserahkan kepada petender yang berjaya dan disalinkan kepada pihak yang berkaitan.

6.8 Surat Pemberitahuan Penerimaan Tender

Surat Pemberitahuan Penerimaan Tender (**Lampiran 13**) ialah surat yang dikemukakan kepada petender yang berjaya bersama-sama dengan SST.

Walau bagaimanapun surat ini tidak menjadi sebahagian daripada Kontrak.

6.9 Mesyuarat *Kick-Off*

6.9.1 Mesyuarat *Kick-Off* hendaklah diadakan sebelum Tarikh Milik Tapak dengan seberapa segera yang boleh selepas pengeluaran SST. Mesyuarat ini perlu dihadiri oleh pihak yang terlibat di dalam kontrak iaitu Jabatan Pelanggan, pihak pengguna dan pihak-pihak lain yang berkaitan termasuk kontraktor sedia ada.

6.9.2 Mesyuarat ini juga bertujuan untuk memperkenalkan semua pihak yang terlibat dan mewujudkan kolaborasi antara semua pihak di dalam FMMC. Di samping itu, PPF juga dapat menerangkan skop kerja, keperluan kontrak dan keperluan dalam Sistem Pengurusan Bersepadu (SPB) di antaranya:

- a) Mengemukakan Bon Perlaksanaan, Polisi-polisi insurans dan Caruman PERKESO.
- b) *Facilities Management Plan* (FMP)
- c) Carta Organisasi Kontraktor
- d) Verifikasi Harta Pelanggan
- e) Kerja-kerja dan bahan-bahan

- f) Keselamatan dan Kesehatan di Tapak
- g) Pengurusan Peralihan Masuk dan Keluar

BAB 7 - DOKUMEN KONTRAK

7.1 Pendahuluan

Dokumen Kontrak merupakan suatu dokumen yang mengandungi terma kontrak bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak yang berkontrak secara bertulis.

Dokumen kontrak juga merupakan dokumen yang menjelaskan skop kerja yang perlu dilaksanakan dan tahap prestasi yang dikehendaki di bawah kontrak dengan harga yang telah disetujuterima.

Kontrak hendaklah ditandatangani secepat mungkin selepas semua terma dan syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan selewat-lewatnya empat (4) bulan dari tarikh SST.

7.2 Nombor Kontrak

7.2.1 Permohonan untuk mendapatkan nombor kontrak hendaklah menggunakan surat sebagaimana **Lampiran 14** dan diurus oleh Pejabat yang menyediakan Dokumen Tender di Kementerian atau Jabatan masing-masing. Satu sistem seragam yang boleh dijadikan contoh boleh dirujuk kepada Ibu Pejabat JKR untuk menomborkan kontrak seperti berikut:

a) Di Ibu Pejabat

JKR/PER/IP/CAWANGAN/NOMBOR SIRI/TAHUN di mana CAWANGAN ialah singkatan untuk Cawangan di Ibu Pejabat JKR.

b) Di Peringkat Negeri

JKR/PER/NEGERI/NOMBOR SIRI/TAHUN di mana NEGERI ialah singkatan untuk negeri.

7.2.2 Singkatan yang digunakan untuk negeri adalah seperti berikut:

| | | |
|--------|---|----|
| Johor | = | J |
| Kedah | = | K |
| Perlis | = | Ps |

| | | |
|-----------------------|---|--------|
| Kelantan | = | Kn |
| Melaka | = | M |
| N. Sembilan | = | N.S. |
| Pahang | = | Phg |
| Penang, Seberang Prai | = | P & PW |
| Perak | = | Pk |
| Selangor | = | Sel |
| Terengganu | = | T |
| Sarawak | = | Swk |
| Sabah | = | Sbh |

7.3 Penyediaan Dokumen Kontrak

7.3.1 Penyediaan Dokumen Kontrak hendaklah diuruskan oleh PMT.

7.3.2 Format kulit Dokumen Kontrak hendaklah seragam dan menggunakan warna mengikut ketetapan dan kelulusan setiap Jabatan. Contoh format muka hadapan Dokumen Kontrak adalah seperti dalam **Lampiran 15**.

7.3.3 Penyediaan Dokumen Kontrak hendaklah mengikut dokumen berikut:

- a) Arahan Kepada Petender
- b) Borang Tender (*Appendix 1*)
- c) Surat Setuju Terima Tender (*Appendix 2*)
- d) Ringkasan Harga/Ringkasan Tender (*Appendix 3*)
- e) Jadual Harga (*Appendix 4*)

- f) Borang Kontrak Piawai JKR FMM (2016)
- g) *Appendix to the Conditions of Contract (Appendix 5)*
- h) Addenda kepada Syarat-syarat Kontrak (jika ada)
- i) Arahan Perbendaharaan Yang Berkaitan (*Appendix 6*)
- j) *Government's Requirement:*
 - i. *Technical Specification for Facilities Management And Maintenance (FMM) Technical Specification (Appendix 7A)*
 - ii. Spesifikasi Addenda (jika ada) iii. *Performance Requirement (Appendix 7B)*
- k) Maklumat Tapak dan Inventori Aset (*Site Information and Asset Inventories*) (*Appendix 8*)
- l) *Form of Guarantee for Performance Bond (Appendix 9)*
- m) Skop Kerja FMM (*Appendix 10*)
- n) Lampiran – lampiran

7.4 Pindaan Kandungan Dokumen Kontrak

7.4.1 Lazimnya Dokumen Kontrak hendaklah mengandungi dokumen yang sama dengan Dokumen Tender dan TTD. Segala pindaan/addenda yang telah dibuat dalam Dokumen Tender atau TTD mestilah dimasukkan dalam Dokumen Kontrak.

7.4.2 Sebarang pindaan/addenda ke atas maklumat yang tercatat dalam Dokumen Kontrak mestilah ditandatangani oleh kedua-dua pihak iaitu kontraktor dan pegawai yang menyediakannya.

7.5 Pelarasan Harga Dan Kadar Harga

7.5.1 Ringkasan Tender, Senarai Kuantiti dan Jadual Harga akan diteliti dan diselaraskan untuk memastikan kemunasabahnya sebelum tender disetuju terima sebagaimana yang diperuntukkan di dalam syarat-syarat kontrak yang berkenaan.

7.5.2 Pelarasan harga hendaklah tidak mengubah Jumlah Harga di dalam Borang Tender. Tindakan kepada pelarasan harga adalah seperti berikut:

- a) Kesalahan perkiraan dalam Ringkasan Harga atau Ringkasan Tender mestilah diperbetulkan.
- b) Kadar harga dalam Ringkasan Harga, Senarai Kuantiti dan Jadual Kadar Harga hendaklah disemak dan diselaraskan untuk memastikan keseragaman dan kemunasabahan sebelum tender disetuju terima.
- c) Butiran-butiran WPS tidak boleh diselaraskan.

7.6 Menandatangani Dokumen Kontrak

7.6.1 Dokumen Kontrak hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa oleh Kementerian atau Jabatan berkenaan bagi pihak Kerajaan di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 (semakan 1973) [Akta 120].

Pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani Dokumen Kontrak bagi pihak Kerajaan adalah pegawai yang diwakilkan kuasa mengikut pemberian kuasa di bawah Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973). Contoh jawatan pegawai yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan dan had kuasa mereka adalah seperti ditunjukkan di **Lampiran 16**.

- 7.6.2 Kontraktor yang dibenarkan menandatangani Dokumen Kontrak hendaklah mengemukakan resolusi rasmi atau sebarang dokumen yang dapat membuktikan bahawa beliau diberi kuasa menandatangani Dokumen Kontrak bagi pihak kontraktor.
- 7.6.3 Dokumen Kontrak hendaklah ditandatangani bersama seorang saksi dari pihak Kerajaan dan pihak Kontraktor.
- 7.6.4 Nama dan nombor kad pengenalan penandatangan Dokumen Kontrak hendaklah tercatat di dalam dokumen itu termasuk nama dan nombor kad pengenalan saksi.
- 7.6.5 Tarikh kontrak ialah tarikh Dokumen Kontrak ditandatangani oleh Pegawai Yang Diberi Kuasa oleh Kementerian/Jabatan berkenaan.

7.7 Mematikan Setem

- 7.7.1 FMCC memperuntukkan segala kos sampingan kepada penyediaan dan menyiapkan dokumen kontrak, seperti *stamp duties* dan yuran guaman ditanggung dan dibayar oleh kontraktor.

7.8 Pengedaran Dokumen Kontrak

- 7.8.1 Dua salinan asal Dokumen Kontrak hendaklah disediakan. Pejabat yang menyediakan Dokumen Kontrak hendaklah menentukan bilangan Dokumen Kontrak yang disediakan adalah mencukupi dan diedarkan kepada pihak yang berkepentingan seperti:

- a) Pejabat yang menyediakan Dokumen Kontrak - 1 salinan asal
- b) Kontraktor Utama - 1 salinan asal
- c) Pegawai Penguasa Fasiliti (PPF) - 1 salinan
- d) Wakil PPF Utama - 1 salinan

- e) Wakil PPF Pakar - 1 salinan (jika dilantik mengawasi kerja)
- f) Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA), Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB) - 1 Salinan
- g) Ketua Audit Negara - 1 salinan
- h) Akauntan atau pihak berkuasa lain yang membuat pembayaran - 1 salinan
- i) Kementerian/Jabatan Pelanggan - 1 salinan

7.9 Penyimpanan Dokumen Kontrak

Dokumen Kontrak Asal hendaklah disimpan di pejabat di mana Dokumen Kontrak disediakan. Dokumen tersebut hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan mudah diperolehi apabila ianya dikehendaki.

BAB 8 - PENYELIAAN, PEMANTAUAN, PENGESAHAN KERJA DAN PENGURUSAN PRESTASI

8.1 Pendahuluan

8.1.1 Pentadbiran kontrak pengurusan fasiliti dan penyenggaraan (FMMC) merangkumi penyeliaan, pemantauan, pengesahan kerja dan pengurusan prestasi. Adalah menjadi tanggungjawab Pegawai Penguasa Fasiliti (PPF) menyelia, memantau, mengesahkan kerja dan mengurus prestasi kontraktor sepanjang tempoh kontrak berjalan. PPF boleh mewakili kuasa bagi menjalankan tugas-tugas mengikut Surat Perwakilan Kuasa.

8.1.2 Semasa kerja dilaksanakan, prestasi kontraktor akan dipantau untuk memastikan ianya dilaksanakan mengikut prestasi yang ditetapkan di dalam kontrak. Mesyuarat Tapak Fasiliti (MTF) hendaklah diadakan untuk memantau prestasi dan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit daripada pelaksanaan kerja.

8.2 Pegawai Penguasa Fasiliti (PPF), Kuasa Dan Tugas-Tugasnya

8.2.1 Penentuan pelantikan PPF adalah berdasarkan kepada jawatan dan nilai kontrak seperti di **Lampiran 17**.

8.2.2 PPF diberi kuasa membuat keputusan atas semua perkara berhubung dengan kontrak kecuali perkara-perkara di bawah peruntukan khusus dalam kontrak yang dikhaskan kepada PYD dalam Lampiran kepada Syarat-Syarat Kontrak (*Appendix 5 COC*) iaitu klausa 35, 36, 37, 39 & 40 seperti di **Lampiran 18**.

8.2.3 Kuasa PPF untuk mengarah perubahan kerja adalah tertakluk kepada peruntukan Arahan Perbendaharaan 202 yang berkehendakkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melulus.

8.2.4 PPF adalah bertanggungjawab untuk memastikan kontraktor menjalankan kerja menurut peruntukan kontrak dan obligasi kepada Kerajaan ditunaikan.

8.3 Wakil Pegawai Penguasa Fasiliti (Wakil PPF), Tugas Dan Kuasa

8.3.1 PPF adalah bertanggungjawab bagi pengawasan kerja serta pentadbiran kontrak bagi pihak Kerajaan dan boleh mewakilkan kuasanya untuk penyeliaan, pelaksanaan kerja dan tugas-tugas lain kepada wakil PPF menurut peruntukan kontrak.

8.3.2 PPF boleh mewakilkan kuasanya kepada seorang pegawai atau lebih untuk melaksanakan tugas bagi pihaknya seperti berikut:

a) Wakil PPF (Utama)

Pegawai yang diwakilkan kuasa untuk mengarah dan menyelia pelaksanaan kerja secara keseluruhan.

b) Wakil PPF (Pakar)

Jurutera Awam, Elektrik, Mekanikal, Arkitek, Juruukur Bahan atau pakar-pakar lain yang diwakilkan kuasa untuk menyelia pelaksanaan kerja yang berkaitan dengan kepakaran masing-masing.

8.3.3 Tindakan PPF apabila mewakilkan kuasa kepada Wakilnya hendaklah:

- a) Memastikan pegawai yang diwakilkan kuasa ialah pegawai teknikal dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- b) Memastikan pegawai yang diwakilkan mempunyai kompetensi dan pengalaman yang berkaitan untuk menjalankan tanggungjawab yang diwakilkan kepadanya; dan
- c) Memberi perhatian bahawa hak untuk mengambil tindakan di bawah klausa-klausa 35, 36, 37, 39 & 40 berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak FMM 2016.

8.3.4 Kontraktor hendaklah dimaklumkan mengenai pelantikan Wakil PPF dan kuasa yang diwakilkan kepadanya. Contoh surat bagi perwakilan kuasa dan pemberitahuan kepada kontraktor adalah seperti di **Lampiran 20** dan **Lampiran 21**.

8.3.5 Dalam melaksanakan tugasnya dan menggunakan kuasa yang diwakilkan kepadanya, Wakil PPF mesti mematuhi peraturan-peraturan seperti berikut:

- a) Pegawai tidak dibenarkan mewakilkan selanjutnya kuasa-kuasa yang telah diwakilkan kepadanya;

- b) Pegawai tidak boleh mengambil tindakan terhadap perkara-perkara yang mana kuasa baginya tidak diwakilkan;
- c) Walaupun beliau diberi kuasa untuk mengeluarkan Arahan Perubahan Kerja, beliau masih tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 202 untuk mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Melulus;
- d) Wakil PPF Utama hendaklah memastikan peruntukan kewangan adalah mencukupi bagi pelaksanaan kontrak ini. Peruntukan tambahan hendaklah dipohon bagi perubahan kerja jika ada.
- e) Memastikan Pegawai yang berkuasa menandatangani perakuanperakuan yang berkaitan di bawah kontrak mengikut Syarat-Syarat Kontrak adalah seperti di **Lampiran 19**.

8.3.6 Memantau Prestasi Kerja Kontraktor

PPF/Wakil PPF hendaklah membuat pemantauan ke atas kerja kontraktor melalui dan tidak terhad kepada perkara berikut:

- a) Pelan Pengurusan Fasiliti/*Facilities Management Plan* (FMP)
- b) Audit di tapak oleh pihak Kerajaan;
- c) Laporan Pematuhan dan Pencapaian Prestasi;
- d) Mesyuarat Tapak Fasiliti (MTF);
- e) *Management Information System* (MIS)

8.4 Pelan Pengurusan Fasiliti/*Facilities Management Plan* (FMP)

Perkara di bawah hendaklah disertakan bersama di dalam FMP, tetapi tidak terhad kepada:

- a) Jadual Kerja FMP – memaparkan sumber, aktiviti, dan lain - lain
- b) Pelan unjuran kewangan bulanan – menunjukkan unjuran kewangan di dalam tempoh kontrak
- c) Skop yang terlibat di dalam FMMC
- d) Proses Kerja Piawai (SOP) – merujuk kepada skop, aduan dan tempoh tindakan diambil
- e) Keperluan kompetensi dalam lantikan pekerja
- f) Akta dan peraturan semasa yang berkuatkuasa

Kontraktor hendaklah menyerahkan FMP yang telah disediakan mengikut sepertimana keperluan yang dinyatakan di dalam spesifikasi dalam masa empat belas (14) hari dari Tarikh Mula yang dinyatakan di dalam SST.

Dalam masa empat belas (14)/dua puluh lapan (28) hari, PPF hendaklah mengambil tindakan kepada perkara berikut:

- a) Menolak secara bertulis.
- b) Menerima secara bertulis dengan pindaan/tanpa pindaan.
- c) Memohon maklumat tambahan berkaitan FMP.

Sekiranya tiada tindakan oleh PPF bagi ketiga-tiga perkara di atas dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh serahan FMP/*Modified* FMP, maka FMP tersebut dianggap diterima.

Kontraktor hendaklah menunaikan obligasi kontrak sebagaimana yang dinyatakan di dalam FMP yang telah disah terima oleh PPF atau Wakil PPF.

8.5 Audit di Tapak oleh Pihak Kerajaan

Kerajaan atau pegawai atau orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Kerajaan di dalam tempoh kontrak boleh:

- a) Memeriksa dan menyemak tapak, komponen, peraturan atau peralatan yang digunakan untuk melaksanakan kerja FMM.
- b) Mengaudit dan memantau prestasi kontraktor.
- c) Memeriksa dan menyiasat semua rekod dan dokumen serta membuat salinan terhadap dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan kerja FMM yang perlu disimpan di tapak.
- d) Memohon dan mendapatkan maklumat berkenaan kerja FMM.
- e) Melaksanakan audit operasi, kontrak dan kewangan seperti kehendak kontrak.

PPF/Wakil PPF hendaklah mengarahkan kontraktor menyediakan keperluan peralatan, maklumat dan berkerjasama sepenuhnya semasa pemeriksaan, penyiasatan dan audit yang dijalankan oleh Kerajaan.

8.6 Laporan Pematuhan Dan Pencapaian Prestasi

Bagi tujuan pematuhan dan pencapaian prestasi kontraktor di dalam melaksanakan operasi dan penyenggaraan di dalam kontrak, dokumen *Facilities Management Plan* (FMP) hendaklah menjadi asas kepada pengukuran pematuhan dan pencapaian prestasi sebenar. *Planned Preventive Maintenance* (PPM) yang dibangunkan oleh kontraktor hendaklah digunakan sebagai *tools* di dalam membuat pemantauan kepada pematuhan dan pencapaian prestasi kerja kontraktor.

Selain daripada dokumen tersebut di atas, PPF boleh menggunakan buku harian tapak bagi tujuan merekod perkara-perkara penting di dalam pentadbiran kontrak seperti perubahan kerja, campur tangan/ambil alih oleh Kerajaan, lantikan pihak ketiga oleh Kerajaan yang boleh menyebabkan

kontraktor membuat tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan kontraktor.

PPF juga hendaklah mempunyai kompetensi di dalam menentukan pematuhan dan pencapaian prestasi kontraktor di dalam melaksanakan operasi dan penyenggaraan mengikut Akta, Peraturan, Enakmen dan Polisi Kerajaan yang berkaitan.

8.6.1 Pematuhan kepada pencapaian prestasi

- a) Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja mengikut terma dan syarat di dalam Kontrak dan menepati piawai yang ditetapkan oleh Kerajaan mengikut *Performance Requirement (Appendix 7B COC)* seperti di **Lampiran 22**.
- b) Kontraktor perlu kemuka laporan yang ditentukan sebagaimana seperti di dalam *Technical Specification* dan perlu dihantar pada setiap bulan (*Appendix 7A COC*).
- c) Laporan akan menjadi sebahagian kepada asas penilaian untuk membuat bayaran interim dan pengiraan APD.
- d) Kedua-dua pihak berkontrak bersetuju bahawa Kerajaan mempunyai hak untuk membuat sejumlah penolakan kepada KPI yang tidak dicapai mengikut formula yang telah ditetapkan seperti di dalam (*Appendix 7B COC*).

8.7 Mesyuarat Tapak Fasiliti (MTF)

- a) Mesyuarat hendaklah diadakan untuk memantau prestasi dan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit daripada pelaksanaan kerja.

- b) Mesyuarat juga membincangkan prosedur dan peraturan-peraturan piawai yang perlu dipatuhi berhubung dengan kerja/perkhidmatan kontraktor.
- c) Mesyuarat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan atau lebih bergantung kepada keperluan tapak dan kehendak PPF.
- d) Minit mesyuarat hendaklah disediakan dan diedarkan seberapa segera selepas setiap kali mesyuarat diadakan. Format piawai dan senarai edaran minit adalah seperti di **Lampiran 23**.

8.8 *Management Information System (MIS)*

PPF hendaklah memastikan kontraktor menjalankan aktiviti-aktiviti MIS seperti di bawah:

- a) Membangun, mengguna, mengurus dan menyenggara MIS sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak (bagi premis yang belum mempunyai sistem MIS); atau
- b) Mengurus, mengemaskini, menyenggara dan menyelaras inventori dan data aset menggunakan MIS yang dibangunkan/sediada dengan mematuhi arahan-arahan semasa Kerajaan;
- c) Memastikan semua pengurusan data dan senarai inventori aset menepati MPAM;
- d) Mengurus, menyenggara dan mengemaskini semua aset dan dilabel mengikut kod yang betul dan menepati kehendak polisi Kerajaan;
- e) Membangun dan memperkemaskan senarai inventori aset mengikut kaedah yang sesuai;
- f) Rekod-rekod pengurusan fasiliti dan penyenggaraan perlu disimpan melalui *Computerized Maintenance Management Systems (CMMS)*, buku log aktiviti

penyenggaraan, buku log harian tapak, lukisan teknikal, lukisan siap bina dan lain-lain.

- g) Mematuhi Akta Rahsia Rasmi Kerajaan (Akta 88) Arahan Keselamatan Kerajaan dan lain-lain arahan Kerajaan yang berkaitan dengan maklumat rasmi Kerajaan yang berupa data, rekod dan lain-lain samada berupa *hard copy* atau/dan *soft copy*;
- h) Memastikan ketepatan, keesahan dan integriti data di dalam MIS;
- i) Melindungi Kerajaan daripada sebarang kerugian, kerosakan atau kebocoran terhadap data yang terdapat di dalam MIS.

BAB 9 - SUB-KONTRAKTOR DAN PENYERAHAN HAK

9.1 Pengenalan

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui surat ruj. S/K.KEW/PK/MOF/D/29 SK.11 (33) bertarikh 9 Disember 2016 meluluskan skop perolehan bekalan/perkhidmatan *Housekeeping & Cleaning Services dan Pest Control Services (Facility Custodial Services)* di dalam FMM dibuat secara Wang Peruntukan Sementara (WPS).

Syarat-Syarat Kontrak FMM 2016 Klausula 30.3 memperuntukkan PPF boleh membelanjakan sebahagian atau keseluruhan WPS yang diperuntukkan dan mengarah kontraktor untuk melaksanakan WPS tersebut.

Kaedah perolehan kepada skop bekalan/perkhidmatan *Housekeeping & Cleaning Services dan Pest Control Services (Facility Custodial Services)* hendaklah diperuntukkan sebagai item WPS di bawah FMMC. Tender hendaklah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan MOF dalam kod bidang yang berkaitan.

Prosedur untuk melaksanakan item WPS ini hendaklah merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Kerja-Kerja Melalui WPS yang berkuatkuasa bagi memastikan langkah tadbir urus yang baik.

9.2 Pengurusan WPS Di Peringkat Tender

9.2.1 Bagi memastikan WPS yang diperuntukkan adalah lebih munasabah, anggaran bagi WPS hendaklah disediakan oleh pegawai-pegawai berpengalaman dan terlibat secara langsung dengan kerja-kerja WPS berkaitan. Pejabat yang menyediakan dokumen tender hendaklah mengawal bilangan item dan nilai WPS serta skop kerja yang dikategorikan sebagai WPS. Sekiranya peruntukan WPS yang dianggarkan dijangka melebihi peratusan yang dibenarkan, pejabat yang menyediakan dokumen tender hendaklah membuat permohonan terlebih dahulu untuk kelulusan sebelum tender.

9.2.2 Kerja perolehan sub-kontrak ini hendaklah dilaksanakan mengikut Panduan Pelaksanaan Kerja-kerja Melalui WPS yang berkuatkuasa.

9.2.3 Penyediaan dokumen tender WPS untuk skop bekalan/perkhidmatan *Facility Custodial Services* hendaklah disediakan oleh pejabat yang menyediakan dokumen tender bersama-sama dengan penyediaan dokumen tender FMM bagi memastikan pelaksanaan operasi dan penyenggaraan merangkumi skop bekalan/perkhidmatan tersebut. Tindakan ini adalah bagi memastikan tiada kelewatan di dalam menyetujui terima sub-kontraktor skop bekalan/perkhidmatan *Facility Custodial Services*.

9.3 Pengurusan WPS Di Peringkat Operasi Dan Penyenggaraan

9.3.1 PPF/Wakil PPF yang mengawas dan mentadbir kontrak hendaklah membuat perancangan awal dengan mengambilkira FMP yang telah dipersetujui bagi memastikan pelaksanaan kerja WPS ini tidak menjejaskan operasi dan penyenggaraan dan prestasi perkhidmatan kontraktor secara keseluruhannya.

9.3.2 Sekiranya terdapat peningkatan kepada nilai kerja WPS, permohonan hendaklah dibawa ke Jawatankuasa yang ditentukan untuk kelulusan.

Carta alir pelaksanaan WPS peringkat operasi dan penyenggaraan boleh dirujuk kepada Panduan Pelaksanaan Kerja-kerja Melalui WPS yang berkuatkuasa.

9.4 Penyerahan Hak

9.4.1 Tanpa kebenaran bertulis dari PPF, kontraktor sama sekali tidak dibenarkan mengsub-kontrak kesemua atau mana-mana bahagian kerja FMM dan bertanggungjawab atas kerja FMM yang telah di sub-kontrak di bawah kontrak.

9.4.2 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab atas perbuatan, peninggalan, kelalaian dan/atau kecuaiian oleh mana-mana sub-kontraktor, ejen atau pekerja, seolah-olah segala perbuatan itu dilakukan oleh kontraktor itu sendiri.

9.4.3 Sekiranya sub-kontrak ditamatkan kerja/perkhidmatan atau tamat tempoh kontrak, kontraktor boleh menamatkan kerja/perkhidmatan sub-kontraktor dan sub-kontraktor tidak dibenarkan membuat sebarang tuntutan kepada Kerajaan.

9.4.4 Sekiranya PPF tidak berpuas hati dengan prestasi mana-mana subkontraktor, PPF boleh meminta kontraktor untuk:

- a) Menamatkan kerja/perkhidmatan sub-kontraktor
- b) Menggantikan sub-kontraktor
- c) Menggantikan mana-mana pekerja atau ejen sub-kontraktor

Kos atau perbelanjaan yang dikenakan di atas penamatan sub-kontraktor, menggantikan sub-kontraktor dan menggantikan mana-mana pekerja sub kontraktor hendaklah ditanggung oleh kontraktor.

9.4.5 Bayaran terus kepada sub-kontraktor boleh dibuat melalui Surat Ikatan Penyerahan Hak Faedah dengan persetujuan oleh Kontraktor Utama dan kebenaran daripada PPF.

BAB 10 - PENGURUSAN PERALIHAN

10.1 Pendahuluan

10.1.1 Pengurusan Peralihan merupakan salah satu skop pengurusan di dalam FMMC. Terdapat dua Pengurusan Peralihan iaitu Pengurusan Peralihan Masuk (*Transition In*) dan Pengurusan Peralihan Keluar (*Transition Out*). Tempoh pelaksanaan Pengurusan Peralihan diperuntukkan selama tiga (3) bulan di dalam kontrak iaitu bermula daripada Tarikh Mula Kontrak yang dikenali sebagai *Transition In* dan tiga (3) bulan sebelum kontrak berakhir (*Transition Out*).

10.1.2 Pengurusan Peralihan ini melibatkan kerjasama dan kolaborasi antara kontraktor sedia ada dan kontraktor baharu di dalam melaksanakan aktivitiaktiviti di bawah Pengurusan Peralihan.

10.1.3 Pengurusan Peralihan adalah penting bagi memastikan operasi dan penyenggaraan premis berjalan lancar dan tidak berlaku kegagalan komunikasi antara dua pihak.

10.1.4 Dalam tempoh peralihan ini Kontraktor sedia ada dan Kontraktor baharu hendaklah melaksanakan tanggungjawab kepada aktiviti yang telah dinyatakan. Carta Tempoh Peralihan Pengurusan Fasiliti & Penyenggaraan adalah seperti di **Lampiran 4**.

10.2 Pelan Pengurusan Peralihan

10.2.1 Kontraktor hendaklah menyediakan Pelan Pengurusan Peralihan merangkumi Peralihan Masuk dan Peralihan Keluar.

10.2.2 Pelan Pengurusan Peralihan hendaklah menghubungkan dengan lain-lain Pengurusan dibawah kontrak merujuk kepada skop dan spesifikasi.

10.2.3 Pelan Pengurusan Peralihan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dan tidak terhad kepada maklumat Carta Organisasi, Jadual Aktiviti, carta atau aliran komunikasi serta peranan dan tanggungjawab, strategi, kaedah, polisi di dalam menjalankan aktiviti di bawah fasa peralihan dan hubungkait dengan lain-lain pengurusan.

10.2.4 Kontraktor juga hendaklah membentuk dan mengadakan Pasukan Koordinasi Pengurusan Peralihan yang terdiri daripada PPF/Wakil PPF, kontraktor sedia ada (*core staff*), kontraktor baharu dan pihak Pelanggan bagi melaksanakan aktiviti yang ditetapkan di dalam tempoh Pengurusan Peralihan.

10.2.5 Pengurusan Peralihan adalah tempoh di mana keseluruhan data dan maklumat inventori yang telah dibangun, dikumpul dan dikemaskini oleh kontraktor sedia ada diserahkan kepada kontraktor baharu untuk meneruskan operasi dan penyenggaraan sesebuah premis.

10.3 Aktiviti Pengurusan Peralihan

10.3.1 Pengurusan Peralihan Masuk

Dalam tempoh tiga (3) bulan bermula dari Tarikh Mula Kontrak, kontraktor hendaklah melaksanakan aktiviti dibawah Pengurusan Peralihan Masuk terdiri daripada:

- a) Mengadakan Pejabat Tapak bagi tujuan operasi dan penyenggaraan pengurusan fasiliti di lokasi yang ditentukan dan munasabah oleh PPF.
- b) Mengadakan Sistem Pengurusan Informasi (*Management Information System* [MIS]), sama ada:
 - i. Membangun, mengguna, mengurus dan menyenggara MIS sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak; Atau
 - ii. Mengguna, mengurus dan menyenggara MIS sedia ada sebagaimana yang ditetapkan dalam kontrak.
- c) Mengurus, mengemaskini, menyenggara dan menyelaraskan inventori dan data aset menggunakan MIS yang dibangunkan/sedia ada dengan mematuhi arahan-arahan semasa Kerajaan.
- d) Melaksanakan *Facilities Familiarization and Verification* (FFV) melalui *Facilities Condition Assessment* (FCA) dan menyerahkan laporan tersebut kepada PPF.
- e) Hadir dan menyaksikan (*witness*) pengujian, pentauliahan dan penyerahan yang perlu dilakukan oleh pihak yang terlibat sama ada pemilik premis dan/atau kontraktor sedia ada.
- f) Menghadiri semua latihan yang ditetapkan dalam kontrak sepanjang Tempoh Peralihan.
- g) Menghadiri semua aktiviti berkaitan dengan peralihan masuk yang diarahkan oleh PPF sepanjang Tempoh Peralihan.

- h) Mengenal pasti dan menyenaraikan kecacatan baharu yang tidak terkandung di dalam FCA dan dengan segera memaklumkan kepada PPF secara bertulis dalam Tempoh Peralihan atau sebelum Tarikh Milik Tapak.
- i) Kontraktor hendaklah sentiasa memaklumkan kepada PPF secara bertulis sekiranya ada mana-mana aktiviti FMM yang sedang dilaksanakan tidak sempurna dan di luar skop kerja.

10.3.2 Pengurusan Peralihan Keluar

Kontraktor dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum Tarikh Tamat Kontrak hendaklah melaksanakan aktiviti di bawah Pengurusan Peralihan Keluar iaitu:

- a) Mengemaskini Pelan Pengurusan Peralihan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tempoh peralihan keluar.
- b) Memberi kerjasama kepada kontraktor baharu bagi menjalankan aktiviti *Facilities Familiarisation and Verification (FFV)*.
- c) Melaksanakan FCA dan mengemukakan laporan kepada PPF satu (1) bulan sebelum tempoh peralihan keluar bermula.
- d) Menyenaraikan baki kerja yang tidak dapat diselesaikan dan mengemukakan kepada PPF untuk makluman dan persetujuan. PPF perlu memastikan senarai baki kerja yang tidak dilaksanakan dan dimaklumkan kepada kontraktor yang baharu dilantik.
- e) Sekiranya kerja-kerja pembaikan kerosakan tidak dilaksanakan sehingga tamat kontrak, PPF berhak memotong daripada baki wang yang ada dalam akaun kontrak atau daripada bon pelaksanaan atau menuntut daripada kontraktor sebagai satu hutang yang perlu dibayar kepada pihak Kerajaan.
- f) Melaksanakan mesyuarat bila perlu dengan Pasukan Koordinasi Peralihan Keluar.

- g) Melaksana dan menyiapkan semua pengujian dan pentauliahan serta menyerahkan sijil dan waranti berkaitan sebelum aktiviti penyerahan akhir dibuat.

10.4 Peranan Dan Tugas PPF/Wakil PPF Dalam Pengurusan Peralihan

Di dalam Pengurusan Peralihan, PPF/Wakil PPF hendaklah:

- a) Memastikan kontraktor melaksanakan aktiviti di bawah pengurusan peralihan yang disenaraikan mengikut peraturan dan masa yang telah ditetapkan.
- b) PPF/Wakil PPF hendaklah memastikan pejabat tapak disediakan mengikut saiz dan lokasi yang munasabah lengkap dengan kemudahan dalaman dan peralatan pejabat bagi memastikan operasi dan penyenggaraan dijalankan mengikut kontrak, tahap kerja/perkhidmatan dipersetujui dan pencapaian prestasi ditetapkan.
- c) PPF/Wakil PPF hendaklah memastikan kebenaran/akses pergerakan kontraktor diberi dan dikenalpasti untuk memasuki bangunan/premis.
- d) PPF/Wakil PPF juga hendaklah memastikan terdapat kerjasama dan kolaborasi di antara kontraktor sedia ada dan kontraktor baharu bagi menjalankan aktiviti di bawah pengurusan peralihan supaya Pengurusan Peralihan Masuk dan Pengurusan Peralihan Keluar berjalan lancar dan tidak menimbulkan masalah.
- e) PPF/Wakil PPF juga hendaklah memastikan Pengurusan Peralihan Masuk untuk bangunan/premis baharu dibuat dalam masa tiga (3) bulan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dan segala maklumat dan data inventori aset/premis berkenaan hendaklah diperolehi terlebih dahulu daripada pemilik premis.

BAB 11 - PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

11.1 Pengenalan

11.1.1 Sekiranya berlaku kegagalan untuk mencapai prestasi kerja yang ditetapkan atau kemungkiran kontrak oleh kontraktor maka proses penamatan pengambilan kontraktor hendaklah dilaksanakan oleh Kerajaan.

11.1.2 Apabila penamatan kerja Kontraktor dilaksanakan, Kerajaan hendaklah menentukan pelantikan Kontraktor Penyelamat melalui proses yang ditetapkan di dalam pekeliling yang berkuatkuasa.

Satu tuntutan akan dibuat terhadap kontraktor melalui Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor setelah kontraktor baharu dilantik. Jenis-jenis Penamatan:

- a) Penamatan oleh Kerajaan
- b) Penamatan oleh Kontraktor

- c) Penamatan Akibat Rasuah, aktiviti-aktiviti yang bertentangan dan menyalahi undang-undang
- d) Penamatan Untuk Kepentingan Negara
- e) 'Force Majeure'
- f) Penggantungan Kerja/Perkhidmatan

11.2 Penamatan Oleh Kerajaan

Pegawai-Pegawai Yang Diberikuasa Untuk Menamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor:

Klausu 34 memperuntukkan Pegawai Yang Diberi Kuasa bagi pihak Kerajaan untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor adalah seperti yang dinamakan (PYD) di dalam Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak (**Lampiran 18**).

11.2.1 Kemungkiran Kontraktor Dan Hak Kerajaan Untuk Menamatkan Pengambilan Kerja

Syarat-syarat kontrak dengan khususnya telah memperuntukkan kepada Kerajaan hak untuk menamatkan pengambilan kerja kontraktor di mana kontraktor telah melakukan kemungkiran dalam memenuhi obligasinya di bawah kontrak atau menyebabkan dirinya tidak berupaya meneruskan pelaksanaan kerja. Penamatan pengambilan kerja kontraktor boleh dilakukan atas dua sebab kemungkiran oleh kontraktor seperti berikut:

- a) Kemungkiran Kontraktor Menunaikan Tanggungjawab (Klausu 36.1)
- b) Kemungkiran Am (Klausu 36.2)

11.2.2 Kemungkiran Kontraktor Menunaikan Tanggungjawab

Kontraktor dianggap melakukan kemungkiran mengenai mana-mana satu atau lebih daripada perkara berikut:

- a) Gagal memulakan operasi dan penyenggaraan sebagaimana Klausula 9.5
- b) Dengan sengaja menggantung atau meninggalkan keseluruhan kerja FMM atau sebahagiannya
- c) Gagal meneruskan kerja FMM dengan mengikut aturan dengan tekunnya untuk mencapai prestasi yang dipertanggungjawabkan di bawah kontrak
- d) Gagal melaksanakan kerja FMM menepati terma dan Syarat-Syarat Kontrak
- e) Kecuaian berterusan menunaikan obligasinya di bawah Kontrak
- f) Gagal mematuhi arahan PPF dan/Wakil Kerajaan yang Dinamakan
- g) Gagal memastikan tempoh sah laku Bon Jaminan Pelaksanaan sehingga Dua Belas (12) bulan selepas tamat tempoh Kontrak
- h) Gagal secara berterusan mencapai prestasi operasi dan penyenggaraan sebagaimana yang ditetapkan di dalam *Performance Requirement (Appendix 7B)*.

Sehubungan dengan itu, PPF hendaklah memberi Notis bertulis kepada kontraktor menyatakan kemungkiran itu dan sekiranya kontraktor mengulangi kemungkiran tersebut dalam tempoh notis yang diberi itu Kerajaan boleh dengan demikian itu dengan satu notis yang dihantar menamatkan pengambilan kerja kontraktor di bawah kontrak ini.

11.2.2 Kemungkiran Am

Sekiranya Kontraktor melakukan Kemungkiran Am di bawah klausa 36.2 (*General Default of the Contractor*) Kerajaan berhak untuk menamatkan kerja/perkhidmatan Kontraktor di bawah kontrak melalui satu notis yang dihantar kepada Kontraktor. Kemungkiran Am boleh disebabkan sekiranya pada bila-bila masa sepanjang tempoh Kontrak:

- a) Kontraktor menjadi bankrap
- b) Menjadi taksolven (tidak mampu membayar hutang) atau membuat penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau membuat perkiraan dengan mereka itu
- c) Menyebabkan suatu perintah penggulungan dibuat terhadapnya
- d) Mempunyai seorang penyelesai, penerima atau pengurus sementara bagi urusan atau pengusahaannya yang dilantik dengan sewajarnya, atau menyerahkan pemilikan supaya diambil oleh atau bagi pihak pemiutang-pemiutang atau pemegang-pemegang debentur bercagar dengan gadaian terapung akan apa-apa harta yang terkandung dalam gadaian terapung atau tertakluk kepada gadaian terapung itu; atau
- e) Pengeunaan levi ke atas sebahagian besar aset kontraktor

Berdasarkan peruntukan ini, sekiranya kontraktor melakukan kemungkiran yang dinyatakan di bawah peruntukan ini, PYD boleh mengambil tindakan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor.

Sekiranya PPF mendapati kontraktor telah melakukan perkara-perkara seperti di perenggan 11.2.1 PPF hendaklah mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Projek Sakit atau jawatankuasa yang sesuai yang ditentukan oleh Jabatan.

11.2.3 PYD di Lampiran Kepada Syarat-Syarat Kontrak hendaklah memberi notis remidi bertulis kepada kontraktor dengan menyatakan tindakan kemungkiran kontraktor dengan merujuk kepada klausa/sub-klausa yang berkaitan, dan kontraktor

dikehendaki membaiki kemungkiran tersebut dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan notis kemungkiran atau sebarang tempoh yang telah ditetapkan. Sekiranya kontraktor gagal membaiki kemungkiran dalam tempoh yang ditetapkan, Pegawai tersebut berhak menamatkan kontrak dengan memberi Notis Penamatan secara bertulis.

11.2.4 Kaedah Penyampaian Notis hendaklah melalui:

- a) Notis yang dibuat hendaklah dihantar ke alamat yang didaftarkan atau faksimili di mana maklumat penerima dipaparkan di dalam cetakan resit penghantar yang mencatatkan tarikh, masa dan kesemua bilangan helaian yang telah dihantar.
- b) Klausula 51.2 Syarat-Syarat Kontrak memperuntukkan penghantaran notis dianggap terima melalui:
 - i. Serahan dengan tangan atau kurier dengan akuan penerimaan.
 - ii. Menghantar notis di pejabat yang didaftarkan dan pejabat tapak dan ianya dianggap telah dihantar.
 - iii. Bagi penggunaan pos berdaftar, notis dianggap diterima tujuh (7) hari selepas tarikh hantar.

Adalah tanggungjawab pihak berkontrak untuk memaklum sekiranya terdapat pertukaran alamat atau pihak yang diberi kuasa secara notis bertulis dalam masa empat belas (14) hari seperti diperuntukkan di dalam Klausula 51.3.

11.2.5 Kesan Penamatan sekiranya perjanjian ditamatkan diperuntukkan di bawah Klausula 36.1.2 dan 36.3 seperti berikut:

- a) Kontraktor hendaklah:

- i. Dengan serta-merta memberhentikan semua aktiviti FMM dan menyerahkan dokumen dan perkara berkaitan kepada Kerajaan pada tarikh penerimaan Notis Penamatan;
- ii. Dalam masa empat belas (14) hari, selepas menerima Notis Penamatan, kontraktor perlu mengosongkan tapak dan mengeluarkan semua peralatan Kontraktor tanpa sebarang kos kepada Kerajaan;
- iii. Kontraktor dikehendaki bekerjasama dengan pihak Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan pengambilalihan kerja FMM di antara kontraktor dan Pihak Kerajaan atau kontraktor baharu yang dilantik oleh Kerajaan;
- iv. Memulangkan kembali kepada Kerajaan apa-apa mesin, peralatan, perkakasan, bahan, artikel, peralatan, rekod, dokumen, lukisan, manual, data dan / atau aplikasi perisian;
- v. Menyerahkan kepada Kerajaan *Management Information System* (MIS) yang menjadi hak milik Kerajaan atau yang telah dibangunkan dan digunakan oleh kontraktor yang merangkumi kod sumber yang berkaitan dengan kerja FMM di dalam Kontrak ini dalam keadaan baik dan berfungsi sepenuhnya;
- vi. Menamatkan semua kontrak dengan pihak ketiga yang terlibat dengan kontrak ini;
- vii. Menyerahkan kepada Kerajaan tanpa sebarang kos dan perbelanjaan, apa-apa faedah daripada mana-mana Kontrak atau bekalan bahan dan peralatan bagi tujuan pelaksanaan FMMC;
- viii. Tanpa sebarang kos kepada Kerajaan, menyerahkan kepada Kerajaan semua pelan perancangan, rekabentuk, spesifikasi dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan FMMC;

- ix. Membayar kepada Kerajaan apa-apa kos dan perbelanjaan akibat daripada penamatan mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah kontrak;

- b) Apabila penamatan kerja kontraktor dilakukan, Kerajaan hendaklah:
 - i. Menuntut Bon Pelaksanaan;
 - ii. Melaksanakan dan menyempurnakan kerja/perkhidmatan samada oleh jabatan sendiri atau melantik pihak lain untuk menyempurnakan kerja/perkhidmatan FMM;
 - iii. Berhak untuk membuat tuntutan ke atas kontraktor bagi apa-apa kerugian, kos, perbelanjaan dan kerosakan yang dialami kesan dari penamatan kontrak ini; dan
 - iv. Membayar kepada kontraktor nilai kerja yang telah dilaksanakan sehingga ke tarikh penamatan yang mana belum/ layak dibayar.

Walaupun bagaimanapun tiada apa jua dalam Klausula 36.1 atau mana-mana bahagian dalam kontrak ini yang melayakkan kontraktor untuk menuntut apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian terhadap keuntungan, ganti rugi, tuntutan-tuntutan atau apa-apa yang berkaitan apabila kontrak ini ditamatkan dibawah Klausula ini. Pihak berkontrak seterusnya bersetuju bahawa bayaran yang dibuat oleh Kerajaan (jika ada) di bawah Klausula 36.1.2(b)(iv) merupakan bayaran penuh dan penyelesaian akhir kepada bayaran tersebut.

11.2.6 Kesan-kesan Penamatan disebabkan Kemungkiran Am:

- a) Klausula 36.1.2 juga akan digunapakai jika penamatan Kontrak dilaksanakan di bawah Klausula 36.2.

- b) Tiada apa jua dalam klausa 36.2 atau mana-mana bahagian di dalam Kontrak ini yang melayakkan kontraktor untuk menuntut apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian keuntungan, gantirugi, tuntutan tuntutan atau apa-apa yang berkaitan apabila kontrak ini ditamatkan di bawah klausa ini.

11.2.7 Prosedur-Prosedur Berikutan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor

Peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur yang mesti dipatuhi berikutan dengan penamatan pengambilan kerja/perkhidmatan kontraktor adalah seperti berikut:

- a) Satu tuntutan mestilah dibuat terhadap bank atau syarikat insurans yang mengeluarkan Bon Pelaksanaan. Tuntutan ini hendaklah disegerakan dan dibuat tidak lewat dari empat belas (14) hari dari tarikh penamatan sungguhpun tempoh kuatkuasa Bon Pelaksanaan hanya berakhir setahun selepas tarikh pemansuhan kontrak. Sekiranya bank, syarikat kewangan atau syarikat insurans tidak melunaskan bayaran jaminan di dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh tuntutan, perkara tersebut hendaklah dirujuk dengan sertamerta kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian berkaitan untuk tindakan selanjutnya.
- b) Mengarah kontraktor memberhentikan kerja dan meninggalkan pejabat pengurusan penyenggaraan, loji, perkakas, kelengkapan, barang-barang dan bahan tak pasang di tapak dan premis dengan serta-merta.
- c) Tutup pejabat operasi dan penyenggaraan dan mendapatkan perkhidmatan pengawal keselamatan dalam masa dua puluh empat (24) jam sehingga pejabat diserahkan semula kepada Kerajaan.
- d) Rekodkan bilangan, jumlah, lokasi dan keadaan bangunan-bangunan, loji-loji, alat-alat jentera, peralatan, bahan-bahan dan barang-barang lain yang berada atau disimpan di dalam kawasan tapak dan dibuat pengukuran dan penilaian ke atas kerja setakat yang telah dilaksanakan.

Wakil Kontraktor hendaklah dijemput supaya menyaksikan pengambilan rekod dan pengukuran yang dibuat. Gambar foto yang menunjukkan keadaan kerja, bangunan -bangunan dan bahan-bahan serta alat - alat yang ditinggalkan semasa kontrak dimansuhkan hendaklah diambil, untuk rujukan masa hadapan, jika perlu.

- e) Keluarkan arahan kepada kontraktor untuk mengeluarkan semua kakitangan, loji, peralatan dan barang-barang kepunyaan kontraktor di tapak dan premis.
- f) Dokumen-dokumen tender/sebut harga mesti disediakan dan pelawaan tender/sebut harga untuk menyambung kerja operasi dan penyenggaraan hendaklah dilaksanakan.

11.2.8 Peraturan dan prosedur bagi penyediaan dokumen tender dan penerimaan, penilaian dan setujuterima tender yang dihuraikan dalam Bab 4, 5 dan 6 hendaklah dipatuhi disini. Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang harus diambil perhatian seperti berikut:

- a) Penyambungan operasi dan penyenggaraan, spesifikasi atau prestasi yang akan digunakan hendaklah tidak berbeza daripada yang asal. Sebarang perubahan kepada yang asal hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen-dokumen tender yang memudahkan penyelesaian akaun dengan kontraktor.
- b) Operasi dan penyenggaraan yang telah dilaksanakan (jika ada, contoh kerja pembaikan) dan/atau bahan dan barang yang dibekalkan tetapi tidak mematuhi kontrak mesti dikenalpasti, dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam kontrak baharu. Satu peruntukan mesti dibuat bagi membenarkan kredit kepada Kerajaan untuk loji, perkakas, kelengkapan serta bahan-bahan dan barang-barang tak pasang yang ditinggalkan di tapak dan premis untuk kegunaan atau untuk dimasukkan ke dalam

kerja oleh kontraktor baharu. Inventori yang disediakan ini tidak akan dimasukkan di dalam dokumen tender untuk tender semula. Walaubagaimanapun, petender baharu hendaklah menentukan sendiri kuantiti item tersebut.

11.2.9 Sebaik sahaja kontraktor baharu dilantik, PPF hendaklah:

- a) PPF dengan secepat mungkin boleh mengeluarkan sijil kos penamatan yang menyatakan kos penyiapan dan kos kontrak akhir.
- b) Kos penyiapan adalah merangkumi perkara yang dinyatakan di Klausu 38.2.
- c) Sijil Kos Penamatan hendaklah menyatakan perbezaan antara Jumlah Akhir Kontrak (Klausu 38.4) dan Jumlah Kos Penyiapan (Klausu 38.2). Sekiranya Jumlah Akhir Kontrak kurang dari Jumlah Kos Penyiapan, perbezaan tersebut merupakan hutang yang perlu dibayar oleh kontraktor kepada Kerajaan.
- d) Sijil Kos Penamatan hendaklah mengikat dan muktamad keatas kontraktor.

11.3 Penamatan oleh Kontraktor

Klausu 37.0 memperuntukkan penamatan pengambilan kerja oleh kontraktor boleh dibuat apabila berlaku kemungkiran oleh Kerajaan atas sebab berikut:

- a) Kerajaan didapati dengan secara munasabahny gagal melaksanakan atau gagal memenuhi mana-mana tanggungjawab kontraknya yang secara ketara menjejaskan pelaksanaan kerja. Sehubungan dengan itu, kontraktor boleh mengeluarkan satu notis dengan menyatakan tindakan kemungkiran Kerajaan dan meminta pihak Kerajaan membetulkan kemungkiran tersebut dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu setelah mengambil kira langkah-langkah pembetulan yang boleh diambil

oleh pihak Kerajaan. Tempoh tersebut juga boleh dipersetujui diantara kedua-dua pihak.

- b) Sekiranya Kerajaan didapati gagal membetulkan kemungkiran tersebut dalam tempoh yang dinyatakan maka kontraktor berhak menamatkan pengambilan perkhidmatannya dengan memberi notis bertulis kepada Kerajaan.

11.3.1 Kesan-kesan penamatan oleh kontraktor:

- a) Obligasi Kerajaan untuk membayar kontraktor adalah seperti berikut:
 - i. Nilai kerja yang telah dilaksanakan pada bulan-bulan tertentu sehingga tarikh penamatan pengambilan kerja.
 - ii. Nilai yang kena dibayar berhubung dengan kerja-kerja awalan setakat mana yang telah dilaksanakan dan satu kadar yang berpatutan berhubung dengan butiran-butiran yang sebahagiannya telah dilaksanakan.
 - iii. Sejumlah wang bagi apa-apa perbelanjaan yang secara munasabahnya ditanggung oleh kontraktor setakat mana perbelanjaan tersebut tidak dibayar ganti dengan mana-mana bayaran yang dirujuk di bawah sub klausa ini.
- b) Klausa 36.1.2(a)(i) - (viii) dan Klausa 36.1.2(b)(ii) hendaklah digunapakai
- c) Kedua-dua belah pihak bersetuju bahawa kontraktor tidak boleh menuntut apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian keuntungan, gantirugi, tuntutan-tuntutan atau apa-apa yang berkaitan apabila kontrak ini ditamatkan di bawah Klausa 37.1.2. Bayaran penyelesaian penuh yang telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak hendaklah dibuat oleh Kerajaan seperti yang diperuntukkan di bawah Klausa 37.2.1(a)

11.4 Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan

Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor mengikut Klausa 38.2 dan 38.4 Syarat-Syarat Kontrak menunjukkan antara lain:

- a) Kos Penyiapan dimana kos ini meliputi:
 - i. Jumlah bayaran interim yang telah dibayar kepada kontraktor oleh Kerajaan;
 - ii. Jumlah bayaran yang kena dibayar kepada pihak ketiga, pembekal, dan sebagainya bagi menyempurnakan kerja FMM oleh Kerajaan;
 - iii. Lain-lain kos atau perbelanjaan mempelawa semula tender yang ditanggung atau akan ditanggung termasuk caj ke atas kos (*On - Cost Charges*) oleh Kerajaan bagi menyambung operasi dan penyenggaraan;
 - iv. Amaun kerugian dan/atau kerosakan kepada Kerajaan akibat daripada penamatan

- b) Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras hendaklah merangkumi:
 - i. Jumlah Harga Kontrak Asal; ii. Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal;
 - iii. *Ascertained Performance Deduction* (APD) yang dikenakan terhadap Kontraktor Asal; iv. Bayaran-bayaran lain yang dibenarkan di dalam Kontrak

- c) Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan hendaklah menunjukkan perbezaan di antara Harga Kontrak Asal Terlaras dan Kos Penyiapan. Sekiranya

Harga Kontrak Asal Terlaras kurang dari Kos Penyiapan, perbezaan tersebut hendaklah menjadi hutang yang harus dibayar oleh Kontraktor kepada Kerajaan, dan jika sebaliknya, hutang tersebut harus dibayar oleh Kerajaan kepada Kontraktor.

- d) Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan hendaklah mengikat dan muktamad ke atas kontraktor sebagai amaun kerugian dan ganti rugi.
- e) Sekiranya penyiapan kerja dibuat secara Jabatan, amaun untuk diperakukan sebagai kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan hendaklah termasuk kos penyeliaan, faedah dan susut nilai loji dan perbelanjaan asas (*overhead*) dan keuntungan seolah-olah kerja disediakan oleh kontraktor atau pihak lain.

11.5 Penamatan Akibat Rasuah, Aktiviti – Aktiviti Yang Bertentangan Dan Menyalahi Undang-Undang (Klausa 39)

11.5.1 Kerajaan boleh menamatkan pengambilan kerja kontraktor sekiranya didapati kontraktor terlibat dengan tindakan rasuah, aktiviti yang melanggar undangundang atau aktiviti haram yang berkaitan dengan kontrak ini. Tindakan ini termasuklah tuan punya syarikat, para pekerja syarikat serta wakilnya.

Sekiranya terbukti kontraktor atau wakilnya terlibat dalam melakukan perbuatan yang dinyatakan di Klausa 39.1 maka tindakan penamatan seperti di Klausa 36.1.2, boleh diambil terhadap kontraktor.

11.5.2 Kesan penamatan jika kontrak ditamatkan di bawah Klausa 39.1 adalah sama seperti di perenggan 11.2.5.

11.6 Penamatan Untuk Kepentingan Negara (Klausa 40)

Sekiranya Kerajaan merasakan penamatan ini perlu demi kepentingan negara, polisi negara, atau keselamatan negara, Kerajaan boleh menamatkan Kontrak dengan memberikan notis bertulis kepada kontraktor tidak kurang daripada tiga puluh (30) hari dari tarikh kontrak yang akan ditamatkan.

Hanya Kerajaan yang boleh mentafsirkan apa yang dimaksudkan dengan "kepentingan negara", "polisi negara" dan "keselamatan negara", dan ianya tidak boleh dipertikaikan.

11.6.1 Kesan-kesan penamatan jika penamatan kerja di bawah Klausa 40.2 seperti berikut:

- a) Kontraktor hendaklah memberhentikan kerja dan segala hak yang diberikan oleh Kerajaan di bawah kontrak ini
- b) Kerajaan hendaklah membayar kepada kontraktor bayaran yang belum dan boleh dibayar seperti berikut:
 - i. Nilai operasi dan penyenggaraan yang telah dilaksanakan sehingga tarikh penamatan
 - ii. Amaun yang boleh dibayar di bawah item kerja-kerja awalan yang telah dilaksanakan
 - iii. Nilai bahan atau barang yang telah ditempah yang mana telah dihantar ke tapak
 - iv. Nilai perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung oleh kontraktor dalam menyempurnakan kesemua operasi dan penyenggaraan yang mana perbelanjaan tersebut tidak dinyatakan dalam mana-mana subklausa; dan
 - v. Nilai yang munasabah dalam melindungi tapak dan mengeluarkan peralatan dan kemudahan tapak

- c) Klausula 36.1.2 (a)(i) hingga (viii) dan Klausula 36.1.2 (b)(ii) hendaklah digunapakai
- d) Pihak berkontrak bersetuju kontraktor tidak layak untuk menuntut sebarang kerugian termasuk kerugian terhadap keuntungan, ganti rugi, tuntutan-tuntutan dan selain daripada yang dinyatakan dibawah Klausula 40.2(b)(i)-(iv). Pihak berkontrak bersetuju nilai yang dipersetujui merupakan bayaran penuh dan penyelesaian akhir kepada bayaran tersebut.

11.7 Force Majeure

11.7.1 Penamatan disebabkan kejadian *Force Majeure* boleh terjadi disebabkan oleh perkara-perkara yang dinyatakan di bawah Klausula 41.1.

11.7.2 Dalam keadaan dimana berlakunya kejadian *Force Majeure*, pihak yang berkenaan mengesahkan sesuatu kejadian atau menjangka kejadian akan berterusan untuk jangkamasa sehingga melebihi tempoh enam (6) bulan, maka pihak yang berkontrak boleh membuat Penamatan Bersama.

11.7.3 Sekiranya kontrak ini ditamatkan di bawah Klausula 41.4, hak dan obligasi pihak yang berkontrak terlucut serta-merta dan kedua-dua pihak tidak boleh membuat sebarang tuntutan di antara satu sama lain kecuali berlaku kemungkiran kontrak sebelum kejadian.

11.7.4 Kontraktor hendaklah memastikan insurans yang melindungi perkara-perkara di bawah kejadian *Force Majeure* sekiranya diambil/dilindungi sentiasa sah.

11.8 Penggantungan Kerja/Perkhidmatan

11.8.1 Kerajaan boleh pada bila-bila masa mengeluarkan arahan bertulis kepada Kontraktor untuk menggantung sebahagian atau keseluruhan kerja/perkhidmatan atas sebab-sebab yang diperuntukkan di Klausula 35.1.5 dan 35.1.6.

- 11.8.2 Setelah menerima arahan bertulis, Kontraktor hendaklah menggantung sebahagian atau keseluruhan kerja/perkhidmatan untuk tempoh tertentu sebagaimana yang dinyatakan di dalam arahan tersebut dan hendaklah sewajarnya melindungi, menyimpan dan mengawasi/menjamin keselamatan (secure) aset/fasiliti atau sebahagian aset/fasiliti daripada sebarang kesusutan, kehilangan atau kerosakan.
- 11.8.3 Dalam tempoh penggantungan tersebut, Kontraktor hendaklah meneruskan pelaksanaan obligasinya di bawah kontrak bagi kerja yang tidak terlibat dengan penggantungan. Kontraktor juga hendaklah memastikan tempoh Insurans dan Bon Pelaksanaan sentiasa sah dan berkuatkuasa.
- 11.8.4 Kerajaan boleh mengarahkan kontraktor menyambung semula kerja pada bila-bila masa. Kontraktor hendaklah melaksanakan pemeriksaan bersama ke atas kesan penggantungan tersebut dan membaikpulih kemerosotan atau kecacatan atau kerugian yang ada semasa penggantungan kerja.
- 11.8.5 Klausu 35.1.6 memperuntukkan Kerajaan boleh membayar kepada kontraktor kos membaik pulih kemerosotan atau kecacatan atau kerugian yang ditanggung oleh kontraktor semasa penggantungan kerja dengan mengemukakan notis tuntutan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari kejadian.
- 11.8.6 Kontraktor dengan secepat mungkin, tidak lewat daripada sembilan puluh (90) hari dari tarikh menerima arahan untuk menyambung semula kerja, mengemukakan tuntutan kerugian kepada Kerajaan di bawah Klausu 35.1.8 lengkap dengan semua dokumen sokongan yang diperlukan bagi menyokong tuntutan kepada Kerajaan. Amaun kerugian dan perbelanjaan yang telah ditentukan hendaklah dibayar kepada kontraktor dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
- 11.8.7 Dalam keadaan dimana penggantungan berterusan sehingga melebihi tempoh enam (6) bulan, pihak yang terlibat hendaklah berbincang samada untuk menamatkan kontrak secara Penamatan Bersama atau melanjutkan tempoh penggantungan kerja.

11.8.8 Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan Penamatan Bersama (Klausula 35.1.12), Klausula 35.2 hendaklah digunakan.

11.9 Step In Rights Of The Government (Hak Kerajaan Untuk Ambil Alih/Campur Tangan)

Sekiranya berlaku hal-hal yang memberi kesan kepada kepentingan negara, keselamatan negara, polisi awam atau risiko tinggi yang melibatkan keselamatan dan kesihatan terhadap orang atau harta benda atau persekitaran tapak, maka Kerajaan berhak untuk ambil alih/campur tangan dan menjalankan sendiri kerja atau sebahagian dari kerja FMM menggantikan kontraktor sehingga satu tempoh yang ditetapkan.

11.9.1 Semasa tempoh pengambilalihan/campur tangan oleh Kerajaan:

Kerajaan tidak mempunyai tanggungjawab untuk membuat bayaran kepada perkara berikut:

- a) Kerja FMM;
- b) Sebarang tuntutan dari kemalangan, kerosakan, kecederaan atau kematian terjadi daripada kerja FMM; dan
- c) Sebarang tindakan saman, tuntutan, kehendak, prosiding, kerugian, kerosakan, gantirugi, kos (termasuk kos perundangan), tuduhan dan perbelanjaan dan lain-lain berhubung atau berbangkit daripada kerja FMM.

11.9.2 Kontraktor akan meneruskan tanggungjawab dalam kontrak bagi kerja/perkhidmatan yg tidak terlibat dengan pengambilalihan/campur tangan oleh Kerajaan, termasuk tanggungjawab untuk memastikan insurans dan Bon Pelaksanaan masih sah.

11.9.3 Kerajaan mempunyai hak untuk membenarkan kontraktor meneruskan semula perkhidmatan FMM yang telah diambil alih/campur tangan oleh Kerajaan atau

Kerajaan boleh melantik pihak ketiga pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh kontrak atau sebelum penamatan kontrak.

11.9.4 Kontraktor perlu memberikan kerjasama kepada Kerajaan untuk sebarang hal yang diperlukan sepanjang tempoh pengambilalihan/campur tangan oleh Kerajaan.

BAB 12 - TERMA BAYARAN

12.1 Pendahuluan

Terma bayaran hendaklah dibuat menurut Klausu 5 yang memperuntukkan bayaran hendaklah dibuat secara bulanan berdasarkan kepada kerja yang dilaksanakan dengan sempurna oleh kontraktor. Penyediaan Perakuan Bayaran Bulanan hendaklah menggunakan Borang JKR 66 seperti di **Lampiran 24** termasuk Lampiran A yang merangkumi perakuan bayaran kepada Sub Kontraktor atau Pembekal yang diberi hak bayaran terus yang telah diluluskan.

12.2 Perakuan Bayaran Bulanan

12.2.1 Kontraktor hendaklah membuat tuntutan kepada PPF pada masa yang ditentukan menggunakan borang yang ditentukan pada setiap bulan dan hendaklah berasaskan tuntutan bulanan Kontraktor. PPF hendaklah membuat penilaian bulanan berdasarkan laporan dan penelitian dalam menilai kesempurnaan pelaksanaan kerja berdasarkan Jadual Harga dan penetapan prestasi yang ditetapkan kepada Kontraktor bagi kontrak pengurusan fasiliti dan penyenggaraan yang dilaksanakan. Nilai kerja untuk perakuan adalah berdasarkan kepada Jadual Harga di dalam kontrak.

12.2.2 PPF hendaklah melaksanakan langkah berikut sebelum Perakuan Bayaran Bulanan dikeluarkan:

- a) Menetapkan tarikh yang dipersetujui oleh kedua pihak untuk membuat penilaian bayaran bulanan.
- b) Bayaran Bulanan Pertama boleh dibuat kepada kontraktor sebulan selepas dari Tarikh Mula (*Commencement Date*) setelah kontraktor melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna di bawah Pengurusan Peralihan.
- c) Kontraktor hendaklah mengemukakan laporan dan lain-lain dokumen sokongan bagi tujuan membuat tuntutan bayaran bulanan ke atas kerja yang dilaksanakan.
- d) Penilaian bayaran bulanan hendaklah dibuat ke atas kesempurnaan pelaksanaan aktiviti kerja mengikut Pelan Pengurusan Fasiliti (FMP) dan pencapaian prestasi yang ditetapkan.

12.2.3 Amaun yang patut dibayar pada setiap bulan adalah berdasarkan kepada nilai kerja sebenar yang diperakukan dan prestasi yang dicapai pada bulan itu termasuk kerja-kerja tambahan dan perbelanjaan WPS.

12.2.4 PPF hendaklah mengeluarkan perakuan interim dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh penilaian. Pembayaran ke atas perakuan interim tersebut hendaklah dibayar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Perakuan Interim dikeluarkan selaras dengan syarat-syarat kontrak. Selain itu, PPF hendaklah sentiasa merujuk kepada surat/arahan pekeliling semasa dalam proses membuat bayaran.

12.3 Pengurusan Prestasi Dan Potongan Bayaran Kepada Kontraktor

12.3.1 Pematuhan dan pengukuran kepada pencapaian prestasi kontraktor adalah sepertimana yang dijelaskan di dalam Pelan Pengurusan Fasiliti/*Facilities Management Plan* (FMP).

12.3.2 Kerajaan berhak membuat potongan kepada bayaran bulanan apabila didapati dan terbukti kontraktor gagal mencapai prestasi yang ditetapkan di bawah Kontrak. Pengukuran prestasi dibuat kepada 3 kategori *Key Performance Indicator* yang ditetapkan iaitu:

- a) KPI berdasarkan Prestasi (Performance based KPI)
 - b) KPI berdasarkan Ketersediaan Perkhidmatan (Service Availability based KPI)
 - c) KPI berdasarkan Ketersediaan Aset (Asset Availability based KPI)
- Kerangka ini disediakan sebagai salah satu mekanisme potongan bayaran bagi Kontrak FMM. (Rujuk **Lampiran 22** – Jadual KPI).

12.3.3 Pengenaan APD hendaklah dibuat berdasarkan bilangan permohonan perkhidmatan/ aduan/ PPM, rekod dalam MIS/CMMS dan laporan NCR merangkumi 3 kategori KPI tersebut di atas yang gagal dicapai oleh kontraktor di dalam menunaikan obligasinya di bawah Kontrak. Segala isu, permohonan perkhidmatan (*service request*), aduan (*complaint*), penutupan (*shutdown*) atau ketidaksediaan perkhidmatan (*service unavailability*) yang diakibatkan oleh *Planned Preventive*

Maintenance (PPM) Schedule atau *Scheduled Corrective Maintenance (SCM)* adalah tidak tertakluk kepada sebarang potongan bayaran melalui mekanisme ini.

12.3.4 PPF hendaklah melalui proses berikut di dalam membuat pengiraan APD:

- a) Pengumpulan maklumat bulanan dari MIS CMMS.
- b) *Cut-off date* bagi penentuan APD perlu dibuat pada tarikh yang dipersetujui oleh semua pihak berkaitan.
- c) Menetapkan Parameter yang dipersetujui berkaitan dengan Penetapan APD berdasarkan KPI (Berdasarkan Prestasi, Ketersediaan Perkhidmatan dan Ketersediaan Aset).
- d) Menetapkan jumlah data penyenggaraan untuk bulan yang berkenaan.
- e) Menyemak ketidakpatuhan yang berkaitan dengan pemotongan untuk bulan berkenaan.
- f) Menyediakan justifikasi dan bukti untuk setiap ketidakpatuhan yang dipertikaikan. Pemeriksaan di tapak perlu dijalankan apabila mendapat permohonan daripada mana-mana pihak sebagai lanjutan kepada proses verifikasi.
- g) Laporan bulanan perlu dihantar pada setiap 7 hari bulan atau pada tarikh yang telah ditetapkan pada setiap bulan.

12.3.5 Semua maklumat yang dimasukkan ke dalam MIS/CMMS hendaklah dibuat validasi dan maklumat tersebut telah dipersetujui oleh PPF dan kontraktor. Semua permohonan perkhidmatan/aduan/PPM yang telah dibuat hendaklah disahkan oleh Kontraktor FMM yang akan menetapkan indikasi pemotongan yang sepatutnya.

BAB 13 - RESOLUTION OF DISPUTE (PENYELESAIAN PERTIKAIAN) DAN TIMBANGTARA

13.1 Resolution Of Dispute

Klausa 42 Syarat-Syarat Kontrak memperuntukkan sekiranya terdapat sebarang perkara berbangkit, pertikaian atau tuntutan antara kedua pihak berkontrak maka perkara ini haruslah diselesaikan secara perundingan bersama. Sekiranya gagal mencapai kata putus, maka hal ini akan dibawa ke *Dispute Resolution Committee* (DRC) untuk diputuskan.

13.1.1 Berdasarkan Klausa 42.1, Jawatankuasa DRC perlulah terdiri daripada:

- a) KPKR atau wakilnya sebagai Pengerusi
- b) 2 wakil yang dilantik oleh Kerajaan

c) 2 wakil yang dilantik oleh Kontraktor

13.1.2 DRC boleh melantik pihak berkecuali yang pakar dalam bidang berkaitan untuk memberi nasihat. Kos, yuran dan perbelanjaan pihak ini akan ditanggung secara samarata oleh pihak berkontrak.

13.1.3 DRC hendaklah menentukan prosedur sendiri dan perlu bersidang untuk mencapai kata putus mengenai hal berbangkit. Sekiranya pihak berkontrak tidak bersetuju dengan keputusan DRC, perkara hendaklah dirujuk kepada Timbangtara dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh keputusan DRC atau dari masa tambahan yang telah ditentukan.

13.2 Timbangtara

13.2.1 Sebarang perkara, pertikaian atau tuntutan berkaitan kontrak atau pelanggaran atau penamatan yang tidak mencapai kata putus atau persetujuan bersama antara pihak berkontrak boleh dibawa ke timbangtara sekiranya mana-mana pihak tidak bersetuju dengan keputusan DRC seperti di perenggan 13.1.3.

13.2.2 Pelantikan penimbangtara perlulah dipersetujui oleh kedua-dua pihak berkontrak. Sekiranya tiada persetujuan, penimbangtara akan dilantik oleh Ketua Pengarah, Pusat Timbangtara Serantau, Kuala Lumpur.

13.2.3 Proses timbangtara hendaklah dijalankan di Pusat Timbangtara Serantau, Kuala Lumpur, dengan menggunakan kemudahan dan sistem sediaada dan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan untuk timbangtara.

13.2.4 Sepanjang pertikaian yang dirujuk kepada Timbangtara tidak memberi pelepasan tanggungjawab kontraktor di bawah kontrak.

BAB 14 - PERUBAHAN KERJA DAN AKAUN MUKTAMAD

14.1 Pendahuluan

Semasa operasi dan penyenggaraan sedang dilaksanakan, kemungkinan terdapat perubahan kerja yang perlu dilaksanakan bagi memenuhi kehendak pelanggan dan kesesuaian aset/fasiliti di tapak. Perubahan Kerja hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu kepada kerja yang terkandung dalam Kontrak, arahan PPF perlu dikeluarkan melalui Arahan Perubahan Kerja (APK).

Bagi menyediakan Akaun Muktamad, pelarasan kepada Jumlah Harga Kontrak hendaklah dibuat oleh PPF melalui perakuan Pelarasan Harga Kontrak (PHK).

Perkara-perkara yang perlu diambilkira dalam PHK adalah seperti berikut:

- a) Penilaian Perubahan Kerja;
- b) Pengukuran kuantiti sementara sekiranya berkenaan;
- c) Pelarasan Wang Peruntukan Sementara;
- d) Penilaian Tuntutan Kerugian dan Perbelanjaan Tambahan Kontraktor

Akaun Muktamad hendaklah disediakan secepat mungkin sebaik sahaja obligasi dibawah kontrak tamat termasuk tuntutan kerugian dan/atau perbelanjaan tambahan yang layak dibawah kontrak telah dinilai dan diperakukan. Bayaran Muktamad hendaklah dibuat melalui Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad mengikut format yang telah ditentukan.

14.2 Perubahan Kerja

14.2.1 Perubahan kerja hanya boleh diarahkan oleh PPF yang diberi kuasa menurut peruntukan Syarat-syarat Kontrak melalui APK.. PPF boleh mewakilkan kuasa untuk mengeluarkan APK kepada Wakil PPF Utama atau Wakil PPF Pakar.

14.2.2 Istilah “perubahan” bermaksud perubahan atau ubahsuaian kepada Spesifikasi Teknikal, kualiti atau kuantiti kerja sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Senara Kuantiti dan/atau Spesifikasi yang memberi kesan kepada Jumlah Kontrak termasuk:

- a) Pertambahan, pengurangan atau penggantian sebarang kerja berbanding skop asal;
- b) Perubahan kepada sifat asal (nature) fasiliti, tapak dan penggunaan ruang; atau
- c) Perubahan kepada Kehendak Kerajaan ke atas skop Perkhidmatan FMM.

14.2.3 Semua arahan yang melibatkan perubahan ke atas kerja hendaklah diberi secara bertulis dengan menggunakan format JKR-APK yang berkuatkuasa. (Rujuk **Lampiran 25**)

14.2.4 Jika arahan lisan dikeluarkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, PPF hendaklah mengesahkan arahan lisan yang dikeluarkan secara bertulis dalam tempoh tujuh (7) hari selepas arahan lisan dikeluarkan.

14.2.5 Apabila didapati Kontraktor gagal mematuhi arahan tersebut selepas tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan notis bertulis, PPF boleh melantik pihak ketiga atau

dilaksanakan oleh Jabatan sendiri untuk menyiapkannya. Segala kos dan perbelanjaan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

14.2.6 PPF dan wakilnya perlu mematuhi Arahan Perbendaharaan 202 bagi pengeluaran APK yang mensyaratkan bahawa kelulusan daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja yang berkenaan mesti diperolehi terlebih dahulu sebelum APK dikeluarkan.

14.2.7 Perkara berikut adalah dikecualikan daripada mendapatkan kelulusan terdahulu di bawah Arahan Perbendaharaan 202:

- a) Tuntutan Kontraktor bagi kerugian dan/atau perbelanjaan yang berpunca daripada:
 - i. mematuhi arahan PPF
 - ii. percanggahan dalam atau di antara dokumen-dokumen Kontrak

- b) Tuntutan Kontraktor bagi fee dan caj untuk memasang sambungan tetap dan pemindahan kepada pembentungan awam, bekalan air dan elektrik.

- c) Tuntutan-tuntutan lain yang dibenarkan secara khusus di dalam Kontrak.

- d) Pelarasan Harga Kontrak bagi atau disebabkan oleh:
 - i. Pelarasan Wang Peruntukan Sementara;
 - ii. Pengukuran semula Kuantiti Kerja bagi Kuantiti Sementara yang diperuntukkan dalam Kontrak;

- iii. Kesilapan dalam huraian atau kuantiti atau peninggalan kerja dari senarai kuantiti
- d) Perubahan yang mengakibatkan kurangan kepada Jumlah Harga Kontrak

14.2.8 Kelulusan diperlukan untuk mengeluarkan APK atau untuk menambah nilai perubahan kerja yang telah diluluskan terdahulu daripada Pihak Berkuasa/Jawatankuasa Arahan Perubahan Kerja tertentu seperti di **Lampiran 26**.

14.2.9 PPF hendaklah mengambil langkah tambahan bagi mengawal perubahan yang mungkin berlaku seperti dibawah:

- a) Perubahan hendaklah dikurangkan ke tahap minima, pemeriksaan keadaan bangunan/fasiliti (FCA), reka bentuk dan dokumen tender bagi kerja hendaklah lengkap seberapa yang boleh. Usaha-usaha hendaklah diambil bagi mengelak perubahan kerja yang diperlukan oleh Jabatan/Kementerian Pelanggan. Setiap perubahan kerja yang dikehendaki oleh Pelanggan hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk berbuat demikian.
- b) Sebarang perubahan kerja yang dipohon oleh Jabatan/Kementerian Pelanggan hendaklah diteliti terlebih dahulu untuk menentukan sama ada ia benar-benar diperlukan dan Jabatan/Kementerian Pelanggan hendaklah dinasihatkan mengenai kos dan kesan-kesan lain keatas perubahan kerja tersebut. Jika perubahan kerja tidak dapat dielakkan, kemungkinan menjalankan kerja tersebut dengan cara selain daripada perubahan kepada Kontrak hendaklah dipertimbangkan.

- c) Jika perubahan kerja yang dipohon itu dilaksanakan didapati akan menyebabkan gangguan kepada prestasi kerja, maka perubahan kerja tersebut bolehlah dilaksanakan dengan kaedah yang berasingan.
- d) Skop dan tahap kerja/fasiliti tambahan yang diarahkan hendaklah terbatas kepada kerja yang dirangkumi oleh Kontrak. Sebarang kerja yang dikeluarkan daripada Kontrak hendaklah merupakan kerja yang benar benar tidak diperlukan. Kerja yang terkandung di dalam Kontrak tidak boleh dikeluarkan daripada Kontrak dengan tujuan untuk dilaksanakan oleh pihak lain.
- e) Perubahan kerja tidak boleh diarahkan kecuali dan sehingga kesannya ke atas Jumlah Harga Kontrak dan prestasi perkhidmatan kontraktor telah dinilai dan keperluan untuk mendapatkan kelulusan terdahulu mengikut Arahan Perbendaharaan 202 dan wang peruntukan yang mencukupi telah diperolehi.

14.2.10 Tindakan PPF di dalam penyediaan dan pengeluaran APK adalah seperti berikut:

- a) Semua butiran di dalam Arahan tersebut hendaklah diisi dengan betul. Butiran Kontrak dan Kontraktor yang diisi di dalam arahan tersebut mestilah sama dengan yang terdapat di dalam Dokumen Kontrak. Semua ruangan yang disediakan di dalam arahan tersebut hendaklah diisi.
- b) Tarikh arahan tersebut hendaklah tarikh ianya ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan.

- c) Sebelum APK dikeluarkan PPF perlu menganggarkan nilai kerja perubahan yang terlibat. Nilai ini adalah nilai sementara dan hendaklah disokong dengan pengiraan sewajarnya.
- d) Kontraktor hendaklah menandatangani borang APK ini sebagai tanda penerimaan arahan perubahan kerja serta mengambil tindakan sewajarnya. Jika kontraktor enggan atau gagal menandatangani APK setelah ianya dikeluarkan dan enggan atau gagal melaksanakan arahan perubahan kerja tersebut, PPF boleh melantik pihak ketiga untuk melaksanakan kerja berkenaan. Segala kos berkaitan hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.
- e) Semua lukisan, lakaran dan butiran lain yang berkaitan hendaklah disertakan. Jika keadaan perubahan kerja tersebut memerlukan rekod tapak dan/atau kerja harian, kontraktor hendaklah diarahkan supaya menyimpan dan menyerahkannya mengikut peruntukan berkaitan di dalam kontrak.
